Mej Hj Ahmad Nazri Bin Hj Zailani TUDM (B), berusia 64 tahun merupakan seorang Veteran ATM dan Mantan Juruterbang Pesawat Tempor TUDM. Menamatkan perkhidmatan dengan ATM pada 1996 terus melibatkan diri didlam Keusahawanan khusus didalam Industri Kesihatan dan Kesejahteraan menjurus kepada Perubatan Tradisional Dan Komplementari. Pengamal Perubatan Melayu dan Pengamal Perubatan Cina berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Selain daripada itu beliau juga merupakan Tenaga Pengajar Kursus Pembangunan Kapasiti Perubatan Tradisional Melayu lantikan Kementerian Kesihatan Malaysia. Juga merupakan BisKaunselor & BisCoach INSKEN. Institut Keusahawanan Negara, Team Pemeriksa Spa & Pusat Urutan Kesejahtreaan MOTAC, Timbalan Presiden Malaysian Association of Wellness Trainners, Penasihat Kehormat PUTRAM. Persatuan Urut Therapeutik Dan Penjagaan Malaysia. Pengasas Terapi Triple S Khidmat PTM CSR MHHO Klinik Kesihatan Kerajaan Jinjang (khamis), Ketua Juruterapi myPapaCare WPKL (miniSpa myPapaCare UTC Pudu Sentral)

GLOW 010

POTENSI PERNIAGAAN DAN PASARAN BIDANG PELANCONGAN KESEJAHTERAAN (*WELLNESS TOURISM*) DI MALAYSIA: SOROTAN KAJIAN DARI PERSPEKTIF AKADEMIA

Nazni Ahmad Nazri¹ & Hasmiyatun Jamaluddin¹

Unit Akademik, Kolej Komuniti Jerai

Email: nazni@staf.kkjerai.edu.my & hasmiyatun@staf.kkjerai.edu.my

Roslizawati Che Aziz²

²Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan, Universiti Malaysia Kelantan

E-mail: roslizawati@umk.edu.my

Ringkasan: Industri pelancongan kesejahteraan (*Wellness Tourism*) merangkumi semua aktiviti yang melibatkan kesihatan fizikal dan mental: dari yoga sehingga pemakanan sihat, penjagaan kesihatan dan kecantikan diri, diet dan penurunan berat badan, meditasi, spa dan juga pelancongan kesihatan. Tujuan kertas pembentangan ini adalah untuk membincangkan tentang peluang dan pasaran perniagaan yang boleh diterokai dalam bidang pelancongan kesejahteraan. Perkembangan pesat sektor ini telah membuka banyak peluang pasaran perniagaan sekaligus memperluaskan lagi hasil pendapatan negara melalui aktiviti pelancongan kesejahteraan.

Kata Kunci: Pelancongan kesejahteraan (wellness tourism), peluang perniagaan, spa dan kecantikan

PENGENALAN

Saiz pasaran kesihatan dan kesejahteraan di seluruh dunia menyaksikan peningkatan yang amat besar. Laporan Statistik pada Februari 2023 mengunjurkan nilai melepas AS\$4.3 trilion pada 2020, jumlah yang dijangka melonjak kepada hampir AS\$7 trilion menjelang 2025, sekali gus mewujudkan prospek yang amat luar biasa untuk bakal usahawan. Industri penjagaan kesihatan di Malaysia dan pasaran Asia yang lebih luas terutamanya telah muncul sebagai pemangkin pertumbuhan yang penting apabila pengguna semakin mengejar penyelesaian kesejahteraan semula jadi dan holistik. Yang pastinya pandemik telah mendorong banyak keluarga untuk mengambil pendekatan proaktif untuk gaya hidup sihat. Menurut pembentangan Akaun Kesihatan Nasional Malaysia (MNHA) oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada 10 November 2022, rakyat Malaysia memperuntukkan RM78.2 bilion untuk perbelanjaan penjagaan kesihatan pada 2021, iaitu 5.1% daripada KDNK negara kita, dengan purata RM2,401 per kapita (MHTC, 2024).

Perkembangan positif melalui peningkatan bilangan pusat terapi spa dan kesihatan turut dibantu usaha kerajaan dengan memberi fokus utama dalam perkembangan sektor pelancongan dan penjagaan kesihatan menjadi antara sektor utama dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). Kertas pembentangan ini terdiri daripada analisis terhadap pertumbuhan industri pelancongan kesejahteraan, faktor-faktor yang mendorong permintaan, dan kecenderungan utama dalam pemilihan destinasi pelancongan tersebut. Dengan memahami keperluan dan kehendak pelancong khasnya dalam kesejahteraan, pengusaha dapat mengenalpasti peluang pasaran yang semakin berkembang, termasuk elemen-elemen baharu seperti gaya hidup sihat, pengurusan stres, dan kecenderungan untuk pengalaman perjalanan yang holistik.

POTENSI PERNIAGAAN DAN PASARAN PELANCONGAN KESEJAHTERAAN DI MALAYSIA

Menurut Global Wellness Institute, industri kesejahteraan dan kesihatan secara globalnya kini telah mencapai nilai \$4.2 trilion. Industri ini telah berkembang sebanyak 12.8% antara tahun 2015 hingga 2017 dan mewakili 5.3% daripada keluaran ekonomi global. Industri kesejahteraan dan kesihatan ini merangkumi semua aktiviti yang melibatkan kesihatan fizikal dan mental: dari yoga sehingga pemakanan sihat, penjagaan kesihatan dan kecantikan diri, diet dan penurunan berat badan, meditasi, spa dan juga pelancongan kesihatan (Shukri, 2022).

Potensi utama pelancongan kesejahteraan ini melibatkan pemahaman terhadap pelbagai segmen termasuk *spa retreats*, aktiviti kecergasan, pemakanan sihat, dan terapi alternatif. Analisis ini akan membantu dalam merancang strategi pemasaran yang lebih berkesan dan menyesuaikan perkhidmatan dengan keperluan pelanggan seperti tren penyucian makan “*eat clean*” dan makanan organik, kewujudan Peranti Elektronik kesihatan, perkembangan pelancongan kesihatan dan perubahan amazon. Empat (4) faktor yang mendorong pertumbuhan industri kesejahteraan dan kesihatan ini adalah seperti berikut:

1. Trend *eat clean* dan makanan organik

Hari ini pengguna lebih fokus untuk hidup lebih lama dan lebih sihat. Maka, untuk sihat haruslah bermula dengan pemakanan yang sihat. Ramai yang sudah beralih arah kepada makan makanan yang organik, bebas dari bahan pengawet dan pewarna serta perasa tambahan. *Eat clean* bermaksud sesuatu makanan itu dihasilkan daripada karbohidrat yang bebas gluten, bebas dari produk tenusu dan tanpa gula. Ini kerana jutaan orang di seluruh dunia yang menderita

penyakit celiac. Atas faktor ini, permintaan untuk makanan yang bebas gluten dan gandum meningkat tinggi di pasaran dan dianggarkan sekitar \$12.5 bilion menjelang tahun 2024.

2. Kewujudan Peranti Elektronik Kesihatan

Permintaan yang sangat tinggi terhadap peranti elektronik kesihatan seperti jam tangan *smart watch*, *health & fitness tracker*, *heart rate monitor* dan *apps* yang boleh di *install*. Semua peranti ini membantu ke arah membina kesihatan yang baik. Menurut laporan daripada Pricewater Coopers (PwC) pada tahun 2018, sebanyak 49% hampir separuh dari orang Amerika yang menggunakan peranti ini, tidak kurang juga di Malaysia. Mengikut statistik, pengguna percaya dengan menggunakan peranti seperti ini dapat membantu untuk hidup lebih lama sebanyak 70%, mengekalkan berat badan yang sihat (63%) dan membayar insurans premium dengan lebih rendah (62%). Pasaran untuk peranti ini dijangka berkembang sebanyak \$27 bilion pada tahun 2022.

3. Perkembangan Pelancongan Kesihatan

Pasaran pengembaraan kesejahteraan (*wellness travel*) pula telah bernilai \$639 bilion dan telah berkembang pada kadar 6.5% dari tahun 2015-2017. Sepanjang 5 tahun yang lepas, Asia menjadi destinasi #1. Dua tahun yang lepas, pelancongan ke Asia meningkat sebanyak 33% kepada 258 juta trip setiap tahun. China dan India berada pada kedudukan #1 dan #2 bagi pertumbuhan di seluruh dunia, masing-masing meningkat lebih 12 juta dan 17 juta perjalanan untuk *wellness trip* dari tahun 2015-2017.

4. Amazon

Amazon merupakan saluran pilihan kebanyakan pengguna untuk suplemen pemakanan dan penjagaan kulit. Menurut satu tinjauan, purata perbelanjaan pengguna untuk suplemen pemakanan adalah melebihi \$100 sebulan dengan produk seperti vitamin, mineral, produk herba dan produk penjagaan kulit seperti krim, losyen dan *sunscreen*.

Industri perkhidmatan kesejahteraan dan kesihatan turut menawarkan pelbagai peluang perniagaan yang bertumpu pada keperluan kesihatan masyarakat. Berikut adalah beberapa peluang yang menarik dalam sektor ini (Wang, 2024):

1. Teknologi Kesihatan (Health Tech)

- Pembangunan aplikasi kesihatan, perisian pengurusan hospital, dan peralatan kesihatan pintar.
- Teknologi seperti telemedicine, e-health records, atau wearable devices mempunyai permintaan yang tinggi.

2. Pengurusan Data Kesihatan

- Perkhidmatan analitik data untuk hospital, klinik, atau penyedia perkhidmatan kesihatan.
- Pengumpulan dan analisis data kesihatan dapat membantu dalam pengurusan penyakit, penambahbaikan perubatan, dan keselamatan pesakit.

3. Pendidikan Kesihatan dan Konsultansi

- Penyediaan kursus atau latihan kesihatan dalam talian atau di tempat.
- Konsultansi kesihatan bagi individu atau organisasi untuk meningkatkan kesedaran kesihatan dan gaya hidup sihat.

4. Peralatan dan Teknologi Keselesaan

- Pembekalan peralatan kesihatan seperti katil hospital, alat perubatan, atau peralatan bantuan diri.
- Teknologi yang meningkatkan keselesaan pesakit, seperti penjagaan di rumah, juga mempunyai potensi yang besar.

5. Klinik atau Pusat Kesihatan Alternatif

- Pusat kesihatan holistik, terapi alternatif, atau klinik terapi yang menawarkan rawatan tambahan.
- Klinik yang menitikberatkan holistik, terapi seni, atau penjagaan tradisional semakin mendapat tempat di pasaran

6. Pengurusan Stres dan Kesihatan Mental

- Perkhidmatan kesihatan mental, terapi, atau sokongan psikososial.
- Kursus atau program untuk mengendalikan stres, kecemasan, dan peningkatan kesejahteraan mental.

7. Pengurusan Penyakit Kronik

- Program pengurusan penyakit kronik atau platform pemantauan kesihatan diri.
- Perkhidmatan untuk membantu individu menguruskan penyakit seperti diabetes, hipertensi, atau penyakit jantung.

8. Penjagaan Kesihatan di Rumah

- Perkhidmatan penjagaan kesihatan di rumah untuk orang tua, kanak-kanak, atau individu yang memerlukan penjagaan khas.
- Penyediaan sokongan penjagaan kesihatan di rumah adalah permintaan yang meningkat.

Selain itu, pendedahan kepada inovasi teknologi dalam penyediaan perkhidmatan kesejahteraan seperti aplikasi kecergasan dan pemantauan kesihatan digital juga menjadi fokus dalam menghadapi perubahan landskap industri ini. Kerjasama antara pemangku kepentingan, termasuk kerajaan, syarikat pelancongan, dan penyedia perkhidmatan kesejahteraan, merupakan elemen penting dalam mengoptimalkan potensi perniagaan ini.

PENUTUP

Kajian ini menggariskan implikasi terhadap pertumbuhan ekonomi dan kelestarian industri pelancongan kesejahteraan. Perniagaan dalam bidang ini tidak hanya menawarkan keuntungan ekonomi tetapi juga memberikan impak positif kepada kesejahteraan masyarakat setempat di mana ia merangkumi pandangan holistik terhadap potensi perniagaan dalam bidang kesejahteraan dan memberikan panduan kepada pengusaha dan pembuat polisi untuk memahami dan memanfaatkan peluang dalam industri yang berkembang ini. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, industri kesihatan dan kesejahteraan global telah mengalami revolusi disebabkan oleh sekatan pandemik dan kawalan pergerakan. Kini orang ramai di seluruh dunia lebih mementingkan kesihatan, mengamalkan langkah-langkah pencegahan untuk kehidupan yang lebih sihat. Industri penjagaan kesihatan di Malaysia mencerminkan trend ini, dengan pertumbuhan besar dalam pembiayaan penjagaan kesihatan, perbelanjaan dan jangka hayat.

Memandangkan cabaran kesihatan tersebut, sektor penjagaan kesihatan dan kesejahteraan Malaysia menawarkan peluang unik untuk mereka yang berdedikasi untuk memberikan impak positif. Sektor yang semakin berkembang ini memberikan peluang untuk menyumbang kepada negara yang lebih sihat dan bahagia, menangani isu kesihatan mendesak yang menjelaskan komuniti kita. Justeru, kajian meneliti industri penjagaan kesihatan dan kesejahteraan Malaysia yang berkembang maju, menangani isu demografi yang tersebar luas, membincangkan jangkaan pasaran dan pemain-pemain utama serta menyentuh bagaimana individu yang berdaya usaha boleh menyumbang dan mendapat manfaat daripada kesejahteraan negara secara keseluruhan

RUJUKAN

MHTC. (2024, January 26). Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC). Retrieved from Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC): <https://www.mhtc.org.my/malaysia-healthcare-travel-industry-blueprint/>

Shukri, J. (2022, Oct 19). NakBisnesApa.com. Retrieved from Pencetus Revolusi Perniagaan Network Marketing Secara Digital: <https://nakbisnesapa.com/potensi-pasaran-industri-wellness/>

Wang, V. (2024, Jan 7). Medium.com. Retrieved from Perniagaan atas talian: <https://medium.com/@vincentwaangg/peluang-perniagaan-perkhidmatan-kesihatan-a99b414373ca>

Ringkasan Penulis:

Nazni binti Ahmad Nazri merupakan Pensyarah, Unit Akademik Pengembaraan Pelancongan, Kolej Komuniti Jerai dan telah berkhidmat selama 16 tahun. Beliau mendapat Pendidikan Tinggi di Universiti Sains Malaysia (USM) dalam Ijazah Sarjana (Pembangunan Pelancongan) dan di Universiti Utara Malaysia (UUM) dalam Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (Pengurusan Pelancongan). Beliau merupakan Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan dan Penyelaras Akreditasi Kolej Komuniti Jerai. Beliau juga merupakan salah seorang penggubal kurikulum Sijil Pengembaraan Pelancongan Kolej Komuniti. Memiliki Persijilan Profesional Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam Bidang Pemanduan Pelancongan Bandar serta Sijil Kelayakan Instructor-led: Basic Reservation and Ticketing.

Hasmiyatun Binti Jamaluddin merupakan Pensyarah, Unit Akademik Pengembaraan Pelancongan, Kolej Komuniti Jerai dan telah berkhidmat selama 15 tahun. Beliau mendapat Pendidikan tinggi di Universiti Utara Malaysia (UUM) dalam Ijazah Sarjana Muda (Pengurusan Pelancongan). Beliau pernah menyandang jawatan Ketua Program Sijil Pengembaraan Pelancongan selama 8 tahun di Kolej Komuniti Jerai dan selama 3 tahun di Kolej Komuniti Langkawi. Memiliki Persijilan Profesional Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang Pemanduan Pelancongan dan juga Kayak Star 1 dan 2. Beliau juga merupakan salah seorang penggubal kurikulum, Jadual Spesifikasi Ujian (JSU), rubrik, item soalan peperiksaan akhir dan penggubal norma peralatan bagi Sijil Pelancongan dan Pengembaraan yang digunakan bagi semua Kolej Komuniti yang menawarkan Sijil Pengembaraan Pelancongan.

Roslizawati Che Aziz merupakan Profesor Madya di Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK), Universiti Malaysia Kelantan dan telah berkhidmat selama 15 tahun. Beliau mendapat Pendidikan tinggi di Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam Doktor Falsafah dan di Universiti Utara Malaysia dalam Sarjana Perniagaan (Pelancongan dan Hospitaliti) serta Ijazah Sarjana Muda (Pengurusan Pelancongan). Mempunyai minat dan kepakaran dalam bidang penyelidikan dan perundingan dalam bidang pelancongan eko, pengembaraan, rekreasi, kelestarian dan pelbagai aspek lain seperti perniagaan dan keusahawanan.

GLOW 011

AMALAN MASYARAKAT MUSLIM DI MALAYSIA MEMILIH PASANGAN HIDUP BERDASARKAN KECANTIKAN DAN KESIHATAN: TINJAUAN KERATAN RENTAS

Norsyamrina Che Abdul Rahim¹

¹Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan, Universiti Malaysia Kelantan

norsyamrina@umk.edu.my

Zuliza Mohd Kusrin², Latifah Abdul Majid², Wafaa' Yusof² & Nor Faizah Ismail²

²Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

zuli@ukm.edu.my, umilm@ukm.edu.my, wafaa@ukm.edu.my, norfaizahismail58@gmail.com

Ringkasan: Terdapat banyak kajian mengenai kriteria memilih pasangan masyarakat Muslim tertumpu kepada perbincangan tentang empat kriteria mengikut ajaran Islam, iaitu agama, kecantikan, harta dan keturunan, manakala kajian yang menyentuh kriteria-kriteria lain agak terhad jumlahnya. Justeru, kajian ini bertujuan mengkaji persepsi masyarakat Muslim di Malaysia terhadap amalan pemilihan jodoh berdasarkan kriteria kecantikan dan kesihatan. Kajian ini adalah merupakan satu tinjauan yang berbentuk deskriptif berdasarkan metodologi kajian kuantitatif yang menggunakan instrumen soal selidik sebagai kaedah pengumpulan data. Soal selidik telah diedarkan secara dalam talian dan seramai 381 responden yang telah mengisi soal selidik tersebut. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science Version (SPSS 28.0)* (statistik deskriptif: peratusan, kekerapan, skor min dan sisihan piawai). Dapatkan kajian ini menunjukkan semua item bagi amalan pemilihan pasangan hidup dari aspek kecantikan dan kesihatan mencatat nilai skor min yang tinggi iaitu antara 3.85 hingga 4.76. Responden juga tidak meletakkan rupa paras yang cantik pada pandangan orang lain sebagai keutamaan bagi pemilihan jodoh. Dalam membina ikatan perkahwinan yang harmoni dan diberkati oleh Allah, kita disarankan supaya mengambil kira panduan *Syara'* dan saranan Nabi. Ianya dimana, bakal suami digalakkan supaya mengutamakan perempuan yang solehah (beragama) serta dapat melahirkan zuriat di samping memiliki ciri-ciri keistimewaan yang lain.

Kata kunci: kafa'ah, pemilihan jodoh, kesihatan, keluarga, perkahwinan.

PENDAHULUAN

Kafa'ah atau keserasian merupakan elemen penting dalam memulakan rumah tangga yang bahagia yang akan terbentuk melalui keupayaan pasangan untuk berinteraksi secara emosi, kognitif, fizikal dan cara penerimaan (Brauer et al. 2022). Menurut Qodariyah dan Andriyani (2020), kafa'ah sangat penting sebagai satu usaha untuk mengelakkan berlakunya konflik dalam rumah tangga. Pasangan yang benar-benar mengenali satu sama lain dapat memahami keinginan, pemikiran dan sikap masing-masing (Decuyper et al. 2012; Brandstatter et al. 2018). Kafa'ah pada asasnya mengukur keserasian seseorang dalam memilih pasangannya (Abdul Hadi, 2020). Manakala elemen yang perlu diamalkan dalam kehidupan berkeluarga adalah pengurusan rohani, pembudayaan ibadah yang mantap, mempunyai keselamatan fizikal, ekonomi yang kukuh, kesihatan mental, komunikasi yang berkesan dan sebagainya (Yusuf et al., 2017). Kesemua elemen ini akan mewujudkan perasaan *sakinah* (ketenangan), *al-mawaddah* (kasih sayang) dan *ar-rahmah* (belas kasihan) antara ahli keluarga (Faezah et al., 2020). Ini bertepatan dengan konsep keluarga bahagia menurut Imam al-Ghazali yang mengatakan keluarga yang bahagia dapat diwujudkan apabila ahlinya berjaya menyatukan ilmu, amal, rohani dan jasmani (al-Ghazali, 1923).

Selain itu, kriteria keturunan pula dilihat pada cara hidup keluarga untuk memastikan kelangsungan pada pewaris generasi akan datang mewarisi segala ciri-ciri baik yang ada pada ibu bapa (Royani, 2013). Ini kerana pembentukan fizikal, keperibadian, kesihatan anak adalah dipengaruhi juga oleh faktor genetik. Sebagai contoh susur galur ibu bapa yang mempunyai penyakit keturunan seperti sakit mental, talasemia, buah pinggang, darah tinggi dan sebagainya, memberi pontensi yang tinggi kepada anak untuk mendapat penyakit tersebut. Ini berlaku apabila ibu bapa mewariskan penyakit kepada anak melalui gen autosomal dominan atau autosomal resesif (Turco et al., 1996). Secara keseluruhannya, dibandingkan dengan negara-negara industri yang lain, terutama sekali negara-negara barat, kajian tentang pemilihan pasangan masyarakat Muslim berdasarkan kecantikan dan kesihatan masih jarang dilakukan sehingga bidang kajian ini dilabelkan sebagai “*isolated studies*” (Haslee Sharil Abdullah et al., 2011). Justeru, kajian terhadap amalan pemilihan jodoh berdasarkan kriteria kecantikan dan kesihatan merupakan kajian menggunakan data primer yang diharapkan dapat memberikan impak yang besar dalam menentukan pasangan hidup di kalangan Masyarakat Muslim di Malaysia.

KAEDAH PENYELIDIKAN

Kajian ini adalah merupakan satu tinjauan yang berbentuk deskriptif berasaskan metodologi kajian kuantitatif. Bentuk kajian tinjauan yang dipilih ialah secara keratan rentas iaitu mengumpulkan data daripada satu tempat daripada satu sampel individu yang dianggap mewakili populasi dalam satu masa. Pendekatan ini dipilih kerana cirinya yang membolehkan pengkaji mendapatkan data secara tidak berat sebelah daripada populasi yang dipilih serta membolehkan maklumat yang sama didapati daripada responden (Owens, 2002). Pengumpulan data kajian pula menggunakan instrumen soal selidik kerana bersesuaian dengan objektif kajian iaitu untuk mengkaji amalan pemilihan pasangan dari aspek kecantikan dan kesihatan dalam kalangan golongan belia Islam di Malaysia.

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan satu set soal selidik berstruktur. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada 10 soalan berstruktur berkaitan amalan memilih pasangan dari aspek kecantikan dan kesihatan. Data kajian ini diukur dengan menggunakan kaedah Skala Likert (Ahmad Sunawari Long, 2019). Instrumen ini telah dibina oleh pengkaji berdasarkan pembacaan sorotan kajian (Hanin dan Mustafa, 2019; Puteri Amylia dan Suzana, 2019). Seterusnya, instrumen kajian ini telah disemak dan disahkan oleh pakar bidang bagi memastikan isi kandungannya bersesuaian dan menepati matlamat kajian sebelum diedarkan kepada responden. Manakala dari segi kebolehpercayaan pula, pengkaji menggunakan kaedah ketekalan dalaman item dibina melalui prosedur *Cronbach's Alpha* (Creswell, 2013). Nilai *Cronbach's Alpha* yang diperolehi ialah 0.881. Ini bermakna kebolehpercayaan item bagi kedua-dua konstruk ini berada pada tahap baik dan boleh dipercayai. Soal selidik diedarkan melalui perisian *google form* dan melibatkan 381 orang responden. Kajian ini telah berjaya dijawab oleh 381 orang responden yang bermastautin di sekitar negeri-negeri di Malaysia, dalam kalangan individu yang beragama Islam, berusia antara 18 tahun hingga 51 tahun, dan mempunyai tahap pendidikan sekurang-kurangnya SPM dan ke atas. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science Version (SPSS 28.0)* melalui statistik deskriptif iaitu peratusan, kekerapan, skor min dan sisihan piawai.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Data sosiodemografi

Hasil dapatan kajian daripada soal selidik yang diperolehi dibentangkan berdasarkan dua aspek iaitu demografi responden dan amalan memilih pasangan dari aspek kecantikan dan kesihatan. Responden kajian ini terdiri daripada 104 orang lelaki (27.3%) dan 277 orang perempuan

(72.7%). Dari sudut taburan status responden, seramai 196 orang (51.4%) adalah responden sudah berkahwin, 173 orang (45.4%) belum berkahwin, 9 orang (2.45%) adalah janda, dan 3 orang (0.8%) duda. Dari sudut umur responden dikategorikan kepada 5 peringkat umur dan kategori umur 22-30 tahun adalah paling tinggi iaitu seramai 181 orang (47.5%). Bagi kategori umur 31-40 tahun seramai 68 orang (17.8%), 41-50 tahun 59 orang (15.5%), 51 tahun ke atas 59 orang (15.5%) dan hanya 14 orang (3.7%) responden dalam kategori umur 18-21 tahun.

Data Amalan Pemilihan Pasangan Hidup dari Aspek Kecantikan dan Kesihatan

Secara keseluruhannya, semua item bagi amalan pemilihan pasangan hidup dari aspek kecantikan dan kesihatan mencatat nilai skor min yang tinggi iaitu antara 3.85-4.76. Dapatkan kajian menunjukkan kriteria pasangan yang mempunyai fizikal yang sempurna menjadi keutamaan responden dengan mencatat nilai skor min yang tinggi iaitu 4.12 dan peratus persetujuan 86.1%. Item yang tertinggi iaitu responden “memastikan memilih calon pasangan yang tidak menghidap penyakit berjangkit (HIV/AIDS/ kusta dll).” mencatat nilai min yang tinggi iaitu 4.76. Walaupun item “memastikan memilih calon pasangan yang mempunyai rupa paras yang cantik/tampan pada pandangan saya” memberikan nilai skor min yang tinggi tetapi terdapat 26.2% tidak menjadikan ia satu keutamaan dalam pemilihan pasangan hidup.

Konsep kecantikan yang telah berubah mengikut peredaran masa kini dan menjadikan konsep kriteria pemilihan pasangan juga berbeza mengikut budaya (Alavi et al. 2014). Item yang mencatat min tertinggi ialah “memastikan memilih calon pasangan yang bersederhana dalam berhias” = 4.35 dan peratus persetujuan 96%. Daripada peratus tersebut menunjukkan responden tidak meletakkan pasangan yang berlebih-lebihan dalam berhias sebagai aspek utama bagi pemilihan jodoh. Begitu juga item seterusnya iaitu “memastikan memilih calon pasangan yang mempunyai rupa paras yang cantik/tampan pada pandangan saya” mencatat nilai skor min 3.85 dan peratus persetujuan 73.8%.

Kecenderungan memilih pasangan berdasarkan keadaan fizikal pasangan yang merangkumi rupa paras dan kesihatan kurang dipentingkan semasa responden mencari jodoh. Buktinya, hanya 69.8% sahaja responden meletakkan rupa paras yang cantik pada pandangan orang lain sebagai keutamaan bagi pemilihan jodoh. Item berikutnya juga menunjukkan responden tidak meletakkan keutamaan memilih calon pasangan yang bergaya dan mengikuti fesyen semasa berdasarkan nilai skor min = 3.06. Kesihatan pasangan kurang dipentingkan mungkin kerana dengan adanya teknologi dan sains perubatan yang maju pada hari ini, kepanjangan usia dan jangka hayat lebih terjamin dan bukan lagi isu yang amat dikhuatiri. Mengenai kriteria rupa paras, yang menarik di sini ialah, dapatan dalam kalangan responden di Malaysia bertentangan dengan

apa yang didapati dalam masyarakat barat, iaitu tarikan fizikal memainkan peranan yang mustahak dalam pemilihan pasangan (Hatfield & Rapson 2005; Olson et al. 2013). Pada hakikatnya, responden Muslim kurang mengutamakan rupa paras pasangan berhubung kait rapat dengan ajaran Islam yang menekankan kecantikan dalaman. Hal ini demikian kerana kecantikan akan menjadikan mereka tidak bersyukur, malah boleh menyebabkan mereka menjadi kufur terhadap Allah SAW (Sulaiman Endut, 1999). Lantaran itu, semasa mencari pasangan, kecantikan dalaman pasangan, iaitu keimanan dan akhlak lebih diutamakan, tetapi bukan kecantikan luaran semata-mata.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, empat kriteria utama pemilihan pasangan hidup ialah agama, kecantikan, keturunan dan harta kekayaan. Aspek dalam sekufu juga selari dengan empat kriteria utama tersebut. Responden dalam kajian ini kurang mengutamakan kriteria “rupa paras” dalam mencari jodoh disebabkan oleh ajaran Islam yang lebih mengutamakan kecantikan dalaman dan bukannya kecantikan luaran seseorang. Namun, majoriti daripada responden menyatakan bahawa faktor kesihatan perlu diberikan keutamaan dalam pemilihan pasangan kerana anak yang sihat lahir daripada ibu bapa yang sihat fizikal dan mental.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Kumpulan Penyelidikan di Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia kerana menganugerahkan Geran Penyelidikan Universiti bertajuk: Garis Panduan Penentuan Kriteria *Kafa'ah* dalam Perkahwinan Menurut Maqasid Syariah. (GUP-2022-032).

SUMBER RUJUKAN

- Abdul Hadi Ismail (2020). *Kafa'ah in the Muslim Community Marriage: a study of the social history of Islamic Law*. Indonesia Journal of Education. 1(1): 16-23.
- Ahmad Sunawari Long (2014), Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alavi, M., Alahdad, R., & Shafeq, S. M. (2014). Mate selection criteria among postgraduate students in Malaysia. Procedia-Social and Behavioral Sciences, 116, 5075-5080.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad. 1923. Mizan al-camal. Al-Kaherah: Muhyi al-Din Sabri al-Kurdi.
- Aminudin, H. A. M., & Jubri, M. M. (2019). The Understanding of Malaysian Society on Kafa'ah Concept in Marriage. Journal of Muwafaqat, 2(2), 104-118.
- Brandstatter, Herman., Veronika Brandstatter & Rainer B. Pelka (2018). Similarity and positivity of personality profiles consistently predict relationship satisfaction in Dyads. Frontiers Psychology 9 (June): 1-18.

- Brauer, Kay., Rebekka, Sendatzki,, Fabian, Gander, Willibald, Ruch., & René T. Proyer (2022). Profile similarities among romantic partners' character strengths and their associations with relationship and life satisfaction. *Journal of Research in Personality* 99.
- Creswell, J. W. (2013). Steps in conducting a scholarly mixed methods study.
- Decuyper, Mieke., Marleen De Bolle & Filip De Fruyt (2012). Personality similarity, perceptual accuracy and relationship satisfaction in dating and marital couples. *Personal Relationships* 19(1): 128-145.
- Haslee Sharil Abdullah, Lau, P. L., & Anand Paul Vijayan David. (2011). Gender differences in mate selection criteria among Malaysian undergraduate students. *Sarjana* 26(2): 33-50.
- Hatfield, E. & Rapson, R. (2005). Love and Sex: Cross-cultural Perspectives. Lanham, MD: University Press of America, Inc.
- Nur Faezah Mustaphar, Raihanah Azahari & Bahiyah Ahmad (2020). Sakinah, Mawaddah, dan Rahmah dalam perhubungan suami isteri: Analisis Literatur. *Jurnal Syariah* 1(28): 81-104.
- Olson, D. H., DeFrain, J., & Skogrand, L. (2013). Marriages & Families: Intimacy, Diversity, and Strengths. 8th edition. New York, NY: McGraw-Hill.
- Owens, L.K. (2002). Introduction to Survey Research Design. SRL Fall 2002 Seminar Series. Dipetik daripada https://www.researchgate.net/publication/253282490_introduction_to_survey_research_design pada 21 Januari 2024.
- Puteri Amylia Ulul Azmi & Suzana Mohd Hoesni (2019). Gambaran Preferensi Pemilihan Pasangan Hidup Pada Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. *An – Nafs: Jurnal Fakultas Psikologi*. Vol. 13 (2): 96-107
- Qodariah Barkah & Andriyani (2020). Maqasid al-Syariah concept of Kafa'ah in marriage. *NURANI* 20(1): 107-116.
- Sulaiman Endut. (1999). Perkahwinan. Kuala Lumpur, Malaysia: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Turco, A. E., Clementi, M., Rossetti, S., Tenconi, R., & Pignatti, P. F. (1996). An Italian Family with Autosomal Dominant Polycystic Kidney Disease Unlinked to Either the PKD1 or PKD2 Gene. *American Journal of Kidney Diseases*, 28(5): 759-761
- Yusuf, W. M. W. C., Ali, Abdul Wahab, M. A., Zulkifli, M., Faizal, A. R., & Farah, S. M. G. (2017). Pembinaan Keluarga Sejahtera: Analisis Terhadap Prinsip Keluarga Bahagia Rakyat Sejahtera' Dalam Transformasi Terengganu Baharu. *Journal of Nusantara Studies*, 2(2): 306-318

Ringkasan Penulis:

Norsyamlin Che Abdul Rahim merupakan Pensyarah Kanan di Universiti Malaysia Kelantan. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Makanan dan Pemakanan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Sarjana Kesihatan Awam dalam Pemakanan Komuniti, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau merupakan pemegang PhD (Kesihatan Wanita) dari Universiti Sains Malaysia. Beliau pernah berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai Pegawai Sains (Pemakanan) selama 18 tahun. Kepakaran beliau adalah dalam bidang yang berkaitan dengan pemakanan ibu, bayi dan kanak-kanak kecil, penyusuan susu bayi, keperluan nutrien pemakanan komuniti, penilaian status pemakanan dan isu kitaran pemakanan sepanjang hayat. Beliau telah menerbitkan lebih 50 penerbitan di peringkat global dan kebangsaan.

Zuliza Mohd Kusrin merupakan Professor Madya di Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Sivil dan Syariah), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau telah dianugerahkan Ijazah Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Birmingham, United Kingdom. Bidang beliau adalah berkaitan undang-undang keluargaan perbandingan, undang-undang perlombagaan perbandingan dan undang-undang pentadbiran Islam. Penyelidikan beliau berkaitan kekeluargaan Islam seperti kajian perkahwinan bawah umur, nafkah penentuan kriteria kafa'ah dalam perkahwinan, penyusuan dalam Islam. Beliau juga terlibat dengan penyelidikan berkaitan hak perundangan autism. Beliau telah menerbitkan lebih 100 penerbitan akademik di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Latifah Abdul Majid merupakan Professor Madya di Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau merupakan pemegang Ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Lampeter Wales, United Kingdom. Bidang penyelidikan beliau adalah berkaitan dengan al-Quran dan al-Sunnah, hadis dan isu semasa, pemikiran liberalisme dan pluralisme. Beliau telah menerbitkan lebih 100 penerbitan di peringkat global dan kebangsaan.

Wafaa' Yusof merupakan pensyarah kanan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Sivil dan Syariah), Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Sarjana Undang-undang Perbandingan (MCL), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau merupakan pemegang Ijazah Doktor Falsafah dari Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang penyelidikan beliau adalah berkaitan dengan undang-undang prosedur jenayah, undang-undang jenayah dan undang-undang kanak-kanak secara perbandingan.

Nor Faizah Ismail merupakan Pembantu Penyelidik di Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam UKM. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Yarmouk Jordan pada tahun 2012 dan Ijazah Sarjana dari UKM pada tahun 2019. Beliau merupakan pemegang Ijazah Doktor Falsafah dari Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang penyelidikan beliau adalah berkaitan dengan Komunikasi Islam dan dakwah media baru.

GLOW 012

TINJAUAN PERSEPSI PELANGGAN TERHADAP PELAKSANAAN KONSEP SPA MESRA MUSLIM

Seri Syamsidatul Safrun Mohd Thani¹

¹Seri Spa

serisyamsidatul@gmail.com

Norsyamrina Che Abdul Rahim²

²Faculty of Hospitality, Tourism, and Wellness, Universiti Malaysia Kelantan.

norsyamrina@umk.edu.my

Ringkasan: Malaysia mempunyai pelbagai bangsa dan budaya yang menyebabkan kewujudan pelbagai jenis perkhidmatan Spa yang ditawarkan mengikut budaya masing-masing. Penawaran perkhidmatan juga akan turut berbeza berdasarkan konsep perkhidmatan yang diberikan. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui persepsi pelanggan di Malaysia terhadap pelaksanaan konsep Spa Mesra Muslim. Tinjauan secara dalam talian akan dilakukan terhadap 306 orang responden di Malaysia. Hasil tinjauan ini dijangkakan majoriti daripada responden mengetahui tentang ciri-ciri Spa Mesra Muslim dan mereka juga dapat menerima prinsip-prinsip Spa Mesra Muslim yang telah diwujudkan. Diharapkan dapatan kajian ini secara keseluruhannya amat penting untuk dijadikan sebagai panduan bagi pihak berwajib seperti Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia dan pengusaha spa dalam melakukan penambahbaikan terhadap premis Spa Mesra Muslim yang sedia ada di negara ini.

Kata kunci: Persepsi, pelanggan Islam, Spa Mesra Muslim, Malaysia

PENGENALAN

Kepentingan status patuh syariah tidak hanya terbatas kepada produk makanan dan perbankan sahaja malah turut diperluas kepada industri spa juga. Spa berkonsepkan Islam semakin diterima masyarakat pada hari ini atau lebih dikenali sebagai Spa Mesra Muslim. Industri spa di Malaysia juga merupakan salah satu penyumbang kepada peningkatan ekonomi negara. Kesedaran masyarakat pada hari ini terhadap kepentingan penghayatan Islam sebagai cara hidup juga semakin meningkat. Spa berkonsepkan Islam merupakan salah satu daripada 10 jenis spa yang popular dan diterima Masyarakat (Rashidi Othman et al., 2015). Kemunculan spa berkonsepkan Islam merupakan sesuatu yang akan dibanggakan dan disokong oleh pemain industri spa (Rashidi Othman et al., 2015). Peningkatan pendapatan industri spa ini adalah kerana pertumbuhan pelancongan kesihatan yang pesat dan kecenderungan pengguna terhadap kesihatan dan kesejahteraan (Global Wellness Institute (GWI), 2018).

Perkhidmatan pelancongan dan hospitaliti berkonsep mesra muslim telah mendapat tempat dalam pasaran tempatan dan antarabangsa. Berdasarkan laporan dari menunjukkan sejumlah pelancong Muslim memasuki negara. Selain kemudahan penginapan dan hotel mesra muslim atau patuh syariah yang sudah diberi perhatian dan menjadi pilihan, aktiviti dan perkhidmatan spa, kecantikan dan kesejahteraan diri juga menjadi sebahagian yang menjadi carian pelancong. Melihat scenario tempatan, dengan perhatian serius diberikan oleh *Islamic Tourism Centre*, sub sektor di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia mempromosi *Muslim Friendly Tourism and Hospitality*, dengan itu memberi impak kepada pengwujudan konsep Spa Mesra Muslim. Spa berkonsepkan Islam harus diperluaskan memandangkan spa hari ini yang lebih dimonopoli oleh spa konvensional yang lebih menggunakan konsep rawatan dan urutan cara Bali dan Thailand (Noor Azrina Ithnin, 2008; Nor Sabirah Najihah et al., 2018; Sofyan Rizal Ishak, 2012). Konsep tersebut kurang bersesuaian dengan budaya masyarakat Melayu kerana hiasan dalaman seperti patung ukiran, gambar dan menyediakan perkhidmatan rawatan yang ada, ada kalanya menyentuh sensitiviti individu terutamanya melibatkan penjagaan aurat (Sofyan Rizal Ishak, 2012). Noor Azrina Ithnin (2008) menyatakan industri spa juga dipandang serong dan negatif oleh masyarakat kerana tindakan segelintir pengusaha spa yang menyalahgunakan premis untuk tujuan yang tidak berfaedah, dan mengeksplorasi golongan wanita dengan menampilkan wanita dalam imej yang kurang sopan, memakai pakaian menjolok mata serta menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan yang tidak bermoral (Martin Kahar, 2007).

Di Malaysia, sebagai sebuah negara berbilang kaum dan terkenal sebagai sebuah negara Islam di mata dunia mewajibkan Penyelia Spa untuk mematuhi etika bagi pekerja dan Pelanggan Spa Islam seperti ketetapan berikut (a) pekerja Spa wanita yang beragama Islam tidak dibenarkan untuk memberi perkhidmatan kepada Pelanggan Spa lelaki dan (b) pekerja Spa lelaki yang beragama Islam tidak dibenarkan untuk memberi perkhidmatan kepada Pelanggan Spa Wanita (Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, 2011). Terdapat ciri-ciri dan kriteria Spa Mesra Muslim yang digariskan supaya berbeza dengan spa yang lain yang dibangunkan oleh Jabatan Standard Malaysia iaitu:

- i) Kesesuaian dengan nilai-nilai keagamaan: Pelanggan Muslim akan mempertimbangkan sejauh mana konsep SPA tersebut sesuai dengan nilai-nilai dan prinsip-prinsip Islam. Hal ini mencakupi penggunaan bahan-bahan yang halal, pemisahan antara jantina, serta ketersediaan ruang ibadah untuk melakukan solat.
- ii) Mesra pelanggan: Meskipun konsep SPA Mesra Muslim menekankan aspek keagamaan, kualiti perkhidmatan tetap menjadi faktor penting. Pelanggan akan

- menilai kepuasan mereka berdasarkan profesionalisme, keramahan, dan kemampuan staf dalam memberikan layanan yang memenuhi harapan.
- iii) Ketenangan dan privasi: Aspek privasi dan ketenangan menjadi penting dalam pengalaman menerima perkhidmatan di spa. Pelanggan akan menilai sejauh mana konsep SPA Mesra Muslim memberikan suasana yang memberikan mereka untuk berasa tenang dan dalam masa yang sama privasi terjaga.
 - iv) Maklumat Spa Mesra Muslim: Pelanggan juga akan mempertimbangkan maklumat yang disediakan di spa adalah memenuhi konsep SPA Mesra Muslim. Mereka mungkin mengharapkan klarifikasi tentang produk-produk yang digunakan, prosedur yang dilakukan, dan kriteria-kriteria spa yang berkaitrapat dengan aspek keagamaan.

Penting bagi pengelola SPA Mesra Muslim untuk secara terus-menerus menjalankan tinjauan dan memahami persepsi pelanggan mereka. Ini dapat dilakukan melalui survei kepuasan pelanggan, perbincangan terbuka dengan pelanggan, serta pemantauan terhadap perkhidmatan semasa dan maklum balas yang diberikan oleh pelanggan. Dengan memahami persepsi pelanggan, pengusaha dapat terus meningkatkan kualiti layanan dan memperkuuhkan konsep SPA Mesra Muslim agar lebih sesuai dengan keperluan dan harapan pelanggan Muslim. Oleh kerana konsep ini yang masih baru diperkenalkan, masih belum terdapat banyak kajian berkaitan. Belum terdapat juga pengiktirafan atau pelabelan khusus yang boleh memberikan data yang tepat. Walau bagaimanapun, kewujudan pengamal industri spa, kecantikan dan kesejahteraan yang mengetengahkan konsep ini boleh membawa isyarat jelas berkaitan pelaksanaan konsep ini dan penerimaan pengguna. Diharapkan hasil kajian ini dapat mewujudkan satu panduan dan dipraktikkan serta diselaraskan supaya dapat dijadikan panduan kepada seluruh Spa Mesra Muslim di Malaysia. Hasil kajian ini juga diharapkan dapat memberi panduan kepada pengusaha spa, pelanggan dan semua badan terlibat dalam menghasilkan dan menyelaraskan spa berkonsep Islam untuk dijadikan sebagai panduan kepada pengusaha spa dan badan terlibat dalam menghasilkan spa patuh syariah di Malaysia dan peringkat antarabangsa.

Oleh kerana konsep ini masih baru diperkenalkan, masih belum terdapat banyak kajian berkaitan dan belum terdapat juga pengiktirafan atau pelabelan khusus yang boleh memberikan data yang tepat. Walau bagaimanapun, kewujudan pengamal industri spa, kecantikan dan kesejahteraan yang mengetengahkan konsep ini boleh membawa isyarat jelas berkaitan pelaksanaan konsep ini dan penerimaan pengguna. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap pengetahuan, penerimaan dan cabaran pelanggan terhadap perkhidmatan Spa Mesra Muslim di Malaysia. Dapatkan kajian ini diharapkan membantu pihak *Islamic Tourism Centre*, institusi lain yang

berkaitan juga para pemain industri spa, kecantikan dan kesejahteraan dalam terus memperkasa dan mengarus perdanakan konsep Spa Mesra Muslim.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu kaedah tinjauan terhadap pelanggan di Malaysia tentang persepsi perkhidmatan Spa Mesra Muslim di negara ini. Kaedah tinjauan dipilih kerana ianya merupakan salah satu kaedah yang kerap digunakan dalam kajian sains sosial (Stevanov, Dobšinská & Krajter Ostoić, 2015) di samping kelebihannya dalam mendapatkan maklumat berkenaan pilihan dan tingkah laku responden. Borang soal selidik akan dibentuk dan diedarkan secara dalam talian. Ujian pra akan dilaksanakan bagi menentukan kebolehpercayaan semua item yang dibentuk dalam borang soal selidik sebelum ianya boleh diedarkan kepada responden. Dapatkan ujian pra perlu menunjukkan bahawa semua item bagi dalam borang soal selidik memperoleh nilai pekali Alph, α lebih 0.7. Hal demikian diperlukan untuk menunjukkan bahawa kebolehpercayaan item-item dalam borang soal selidik adalah pada tahap yang tinggi (Tavakol & Dennick, 2011). Data analisis akan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science Version (SPSS 28.0)* melalui statistik deskriptif iaitu peratusan, kekerapan, skor min dan sisihan piawai.

KESIMPULAN

Pembangunan dan pelaksanaan konsep Spa Mesra Muslim berpotensi membawa manfaat kesejahteraan penduduk dan ekonomi yang besar. Kajian ini diharapkan menjadi pendorong penyelidikan masa depan dengan memperluas populasi kajian dan objektif kajian yang lebih mendalam. Penyelidikan mengenai pengetahuan, persepsi dan penerimaan konsep Spa Mesra Muslim perlu diperluas dengan pembolehubah berpotensi lain yang boleh diterokai. Dapatkan kajian ini adalah penting untuk memberi maklumat tentang keberkesanan promosi dan strategi sedia ada yang telah diambil *Islamic Tourism Centre* sebagai badan utama dan organisasi lain amnya. Ia juga dapat membantu pihak ITC dan Jabatan Standard Malaysia bagi membangunkan satu standard berkaitan Spa Mesra Muslim yang menjadi rujukan unggul para pemain industri. Maklumat kajian ini juga diharapkan dapat membantu pengwujudan badan penilai dan pengiktirafan khusus bagi pengamal konsep Spa Mesra Muslim. Kajian ini juga menunjukkan bahawa perlunya promosi yang lebih meluas dan teratur bagi memberi tanggapan jelas dan membudayakan konsep Spa Mesra Muslim kepada peminat dunia spa terutama golongan Muslim itu sendiri.

RUJUKAN

- Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari. Kementerian Kesihatan Malaysia. Garis Panduan Perkhidmatan Spa untuk Pengusaha Spa di Malaysia. ISBN 978-983-44754-8-2 (2011).
- Global Wellness Institute (GWI). (2018). Global Wellness Economy Monitor October 2018. [https://globalwellnessinstitute.org/industry-research/2018-global-wellness-economymonitor/](https://globalwellnessinstitute.org/industry-research/2018-global-wellness-economy-monitor/)
- Martin Kahar. (2007). Memahami Kebaikan Spa. Bernama, 7 Disember. http://www.bernama.com/bernama/v3/bm/news_lite.php?id=300897
- Noor Azrina Ithnin. (2008). Persepsi Pelancong Terhadap Pelancongan Kesejahteraan (Kajian Kes Kuala Lumpur dan Johor Bahru). Tesis Sarj. Fakulti Alam Bina, Universiti Teknologi Malaysia. <http://eprints.utm.my/5890/1/NoorAzrina830116016534D08TTT.pdf>
- Nor Sabirah Najihah Jamaluddin, Asma' Mokhtar, Khairusy Syakirin Has-Yun Hashim, Rashidi Othman, Nurul Jannah Zainan Nazri, Arieff Salleh Rosman & Nurrulhidayah Ahmad Fadzillah. (2018). Study On Muslim Friendly Spa: A Conceptual Framework. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences.
- Rashidi Othman, Siti Farah Aliya Abdul Halim, Khairusy Syakirin Has-Yun Hashim, Zainul Mukrim Baharuddin, & Lukman Hakim Mahamod. (2015). The Emergence of Islamic Spa Concept. Advanced Science Letters, Vol. 21 Hlm. 1750-1753.
- Sofyan Rizal Ishak. (2012). Rawatan Spa Islam. Sinar Harian, 14 Mei. <http://www.sinarharian.com.my/rencana/rawatan-spa-islam-1.47833>
- Stevanov, M., Dobšinská, Z., & Krajter Ostojić, S. (2015). Survey research in the forest science journals- insights from journal editors. South-east Eur for, 6(2), 237-247.
- Tavakol, M., & Dennick, R. (2011). Making sense of cronbach's alpha. International Journal of Medical Education, 2, 53-55.

Ringkasan Penulis

Seri Syamsidatul Safrun Mohd Thani merupakan Pengasas Seri Spa yang telah berada dalam industri lebih daripada 15 tahun. Beliau berkelulusan Diploma Kemahiran Malaysia (Pentadbiran Spa), Jabatan Pembangunan Kemahiran dan Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Pendidikan (Kepujian) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau merupakan Pengarah Spa bagi Seri Spa dan Seri Spa Premium. Beliau bergiat aktif sebagai Jurulatih Kesejahteraan Professional Bertauliah melalui Persatuan Jurulatih Kesejahteraan Malaysia (MAWT). Beliau juga merupakan Mentor bagi program *Women Mentoring Network* (WMN) di bawah seliaan ADLA Group Sdn Bhd, dan G100 Putrajaya State Chair di bawah All Ladies League, Mentoring & Motivation Wing.

Norsyamline Che Abdul Rahim merupakan Pensyarah Kanan di Universiti Malaysia Kelantan. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Makanan dan Pemakanan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Sarjana Kesihatan Awam dalam Pemakanan Komuniti, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau merupakan pemegang PhD (Kesihatan Wanita) dari Universiti Sains Malaysia. Beliau pernah berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai Pegawai Sains (Pemakanan) selama 18 tahun. Kepakaran beliau adalah dalam bidang yang berkaitan dengan pemakanan ibu, bayi dan kanak-kanak kecil, penyusuan susu bayi, keperluan nutrien pemakanan komuniti, penilaian status pemakanan dan isu kitaran pemakanan sepanjang hayat. Beliau telah menerbitkan lebih 50 penerbitan di peringkat global dan kebangsaan.

GLOW 013

PELANCONGAN KESIHATAN (*HEALTH TOURISM*) DI MALAYSIA: CABARAN DAN HALA TUJU MASA DEPAN

Hasmiyatun Jamaluddin¹ & Nazni Ahmad Nazri¹

Unit Akademik, Kolej Komuniti Jerai

Email : hasmiyatun@staf.kkjerai.edu.my & nazni@staf.kkjerai.edu.my

Roslizawati Che Aziz²

²Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan, Universiti Malaysia Kelantan

E-mail: roslizawati@umk.edu.my

Ringkasan: Pelancongan kesihatan (*health tourism*) adalah antara sektor pelancongan yang semakin berkembang pesat dan menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara. Kertas kerja ini membincangkan berkenaan status terkini pelancongan kesihatan yang berlaku di Malaysia. Selain itu ia juga melihat kepada cabaran dan hala tuju masa hadapan bagi bidang ini yang semakin diberikan perhatian khasnya dalam memperkasakan industri pelancongan negara. Rangka Tindakan Industri Pelancongan Kesihatan Malaysia (2021-2025) telah diperkenalkan pada tahun 2021 untuk terus memperkasa lagi sektor pelancongan kesihatan ini.

Kata Kunci: pelancongan Kesihatan, kesejahteraan, rangka tindakan industri pelancongan kesihatan


PENGENALAN

Istilah pelancongan Kesihatan (*health tourism*) merupakan satu aktiviti pelancongan ke sesuatu kawasan bagi mendapatkan rawatan kesihatan terbaik di mana ia juga merupakan satu lagi produk pelancongan yang telah diterima pakai dalam industri yang menjadi penyumbang kedua terbesar kepada ekonomi negara iaitu sektor pelancongan. Pada masa ini, pelancongan kesihatan di Malaysia, bukan hanya melibatkan kepada rawatan penyembuhan dan pencegahan penyakit, malah turut meliputi aspek kesejahteraan (*wellness*) dan kesegaran (*fitness*). Pelancongan Kesihatan ini dikatakan berada dalam kedudukan yang baik sebagai penyumbang kepada industri pelancongan yang semakin popular dan mempunyai pasaran global (MHTC, 2024).



Prestasi industri pelancongan perubatan di Malaysia. Sumber: (Zainuddin, 2021)

Di Malaysia, terdapat sejumlah 210 hospital swasta, tidak termasuk klinik pergigian dan pusat kesihatan dan kesihatan. Malaysia Healthcare terdiri daripada 73 fasiliti penjagaan kesihatan swasta yang terkemuka (22 anggota elit, 51 anggota biasa). Ini bukan sahaja melambangkan standard yang tinggi dalam perkhidmatan perubatan dan keselamatan pesakit yang ditawarkan, malah mereka juga memiliki akreditasi yang diiktiraf di peringkat global. Jumlah pelancong kesihatan yang telah mengunjungi Malaysia dari 2011 hingga 2019 juga telah meningkat sebanyak 90 peratus dan pada 2019, pendapatan yang dijana sektor pelancongan kesihatan Malaysia adalah berjumlah RM1.7 billion (Berita Harian, 2021).



Inisiatif pemerkasaan pelancongan Kesihatan di Malaysia (Sumber: MHTC, 2022)

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC), prestasi industri pelancongan kesihatan negara mencapai paras tertinggi pada 2019 apabila mencatatkan nilai bil penghospitalan berjumlah RM1.7 bilion yang dikutip daripada 1.2 juta pelancong kesihatan. Nilai tersebut dianggarkan memberi kesan berganda antara tiga hingga empat kali kepada ekonomi domestik, apabila pelancong kesihatan turut berbelanja bagi kemudahan hotel, makanan dan pengangkutan (Sinar harian, 2021).

ISU DAN CABARAN PELANCONGAN KESIHATAN DI MALAYSIA

Pelancongan kesihatan atau dikenali sebagai pelancongan perubatan merupakan industri bagi tujuan menarik pelancong berkunjung ke sesebuah negara atas sebab perawatan dan perubatan di samping melancong. Sungguhpun industri ini memberi pulangan yang banyak kepada ekonomi negara, hakikatnya masih ramai pengusaha yang masih tidak tahu dan jelas dengan pengertian sebenar “pelancongan Kesihatan” sehinggakan menyebabkan pengguna tidak mendapat manfaat daripada perkhidmatan tersebut. Terdapat beberapa isu dan cabaran yang perlu dihadapi oleh industri ini dalam mendepani pelbagai situasi seperti:

2. Penularan covid-19: Penutupan sempadan negara sejak Mac tahun lalu bagi membendung penularan jangkitan Covid-19 menyaksikan industri pelancongan kesihatan lumpuh sekali gus mengakibatkan Malaysia kehilangan pendapatan berjumlah berbilion ringgit (Musa & Ideris, 2021).
3. Kempen publisiti dan penjenamaan keupayaan digital dan keyakinan pelanggan : Malaysia sememangnya memiliki kelebihan daya saing kerana usaha berterusan yang disalurkan untuk memelihara kedudukan dalam pasaran yang disasarkan, selain didorong oleh reputasi negara sebagai destinasi kesihatan yang selamat, berkualiti, dan mampu milik di peringkat global. Tambahan lagi, misi utama MHTC ketika ini adalah untuk meningkatkan keyakinan dan kepercayaan ke atas Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan yang selamat lagi dipercayai selepas sempadan domestik dan antarabangsa dibuka semula. Justeru, strategi ini akan dilakukan menerusi kempen publisiti dan penjenamaan, selain menawarkan sokongan, serta penyediaan infrastruktur mula-hingga-akhir (*end-to-end*), memanfaatkan keupayaan digital dan memperkuatkannya kedudukan Malaysia sebagai peneraju yang berwibawa dalam landskap pelancongan kesihatan.

Justeru, Rangka Tindakan Industri Pelancongan Kesihatan Malaysia (2021-2025) telah dilancarkan bagi meningkatkan dan memperkasakan lagi aktiviti pelancongan Kesihatan di Malaysia yang kini telah menyumbang kepada lebih RM10 juta pendapatan sejak tahun 2019.

HALA TUJU PELANCONGAN KESIHATAN DI MALAYSIA

Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC) ialah sebuah agensi di bawah kelolaan Kementerian Kesihatan, ditugaskan untuk mempromosikan penjagaan kesihatan Malaysia di persada global, di samping menjamin kelangsungan industri ini. Sejak penubuhannya, MHTC berfungsi untuk menggembungkan para penggiat industri dan pembekal perkhidmatan untuk memudah cara dan mengembangkan industri pelancongan kesihatan Malaysia di bawah jenama “*Malaysia Healthcare*” dengan matlamat menjadikan Malaysia destinasi penjagaan kesihatan yang terkemuka di dunia.



Malaysia Healthcare Travel Industry Blueprint 2021 - 2025



© 2021 Malaysia Healthcare Travel Council. All Rights Reserved.

Rangka Tindakan Industri Pelancongan Kesihatan Malaysia (2021-2025)

(Sumber: MHTC, 2024)

Rangka Tindakan Industri Pelancongan Kesihatan Malaysia 2021-2025 adalah garis panduan penting untuk pemulihan industri semasa kita beralih ke endemisiti. Ianya bertujuan untuk meningkatkan ekosistem pelancongan kesihatan semasa, mengukuhkan jenama Malaysia Healthcare, dan mengembangkan tawaran penjagaan kesihatan Malaysia ke lebih banyak pasaran yang disasarkan. Strategi utama Rangka Tindakan termasuk:

- (i) meningkatkan kualiti penjagaan perubatan
- (ii) pendigitalan perjalanan pesakit
- (iii) usaha berterusan untuk menjadi destinasi terkemuka bertaraf dunia yang menyediakan tawaran perubatan mampu milik kepada pengembara penjagaan kesihatan, dan
- (iv) meningkatkan tawaran Malaysia dalam bidang hospitaliti di samping kedudukannya sebagai destinasi yang selamat dan dipercayai bagi tawaran perubatan dan pelancongan.

Rangka Tindakan Industri Pelancongan Kesihatan Malaysia 2021-2025 akan dilaksanakan dalam dua fasa utama, dengan pengalaman perjalanan penjagaan kesihatan menjadi tumpuan utama:

- i. Fasa Pemulihan (2021-2022):- untuk mengukuhkan kesedaran tentang penawaran kualiti bertaraf dunia Malaysia Healthcare dan meningkatkan pengalaman pesakit melalui usaha pendigitalan;
- ii. Fasa Bina Semula (2023-2025):- pemain industri untuk bekerjasama secara kolektif untuk meningkatkan kesedaran mengenai tawaran khusus penjagaan kesihatan Malaysia seperti Hab Kesuburan Asia, Hab Kardiologi Asia dan Pusat Kecemerlangan Penjagaan Kanser.

(MHTC, 2024)

Sebagai agensi yang diamanahkan dengan pembangunan berterusan industri pelancongan kesihatan, MHTC berharap untuk memupuk perkongsian awam-swasta yang lebih kukuh, yang telah menjadi faktor kejayaan di sebalik pertumbuhan Malaysia Healthcare. Memandangkan Kerajaan terus melabur dalam industri ini melalui insentif dan dasar, MHTC bekerjasama dengan pemain utama daripada sektor swasta seperti penjagaan kesihatan, hospitaliti, pelancongan, pengangkutan, dan banyak lagi, yang kekal teguh sepanjang masa dalam mengembangkan lagi industri.

PENUTUP

Berpandukan Rangka Tindakan Industri Pelancongan Kesihatan Malaysia 2021-2025, kami di landasan yang tepat untuk pertumbuhan industri yang berterusan dan mampan dengan memanfaatkan kekuatan kami dalam tiga tonggak. Tiga tonggak itu ialah Ekosistem Pelancongan Kesihatan yang menumpukan pada peningkatan kualiti perkhidmatan; Jenama *Malaysia Healthcare* bagi memperkuuh kesepadan jenama merentasi titik pertemuan dan mengembangkan ekuiti jenama kami dalam pasaran teras serta tonggak ketiga iaitu Pasaran, di mana kita mahu memperluas pasaran melangkaui pasaran primer dan meneroka lebih banyak

pasaran khusus bagi memperkuuh jenama *Malaysia Healthcare*. Pelancongan kesihatan merupakan sektor yang harus dimajukan dan dipandang serius untuk dikomersilkan kerana pelancongan kesihatan dapat menjana pendapatan negara dalam pertukaran wang asing. Manakala perubatan berasaskan herba harus digunakan di spa dan sauna kerana negara kita kaya dengan tumbuh-tumbuhan herba. Hal ini kerana, menurut definisi Goodrich (1987) selain daripada tarikan pelancongan lain (aktiviti sosial) kemudahan dan perkhidmatan kesihatan dipromosikan adalah bertepatan. Namun begitu, agensi utama yang membangunkan pelancongan kesihatan ini adalah Kementerian Kesihatan Malaysia sementara Kementerian Pelancongan membantu dari aspek promosi. Di samping itu juga, pelbagai usaha harus dipergiatkan bagi mempromosikan pelancongan kesihatan agar lebih dikenali di kalangan pelancong asing dan membuktikan bahawa pelancongan kesihatan kita boleh maju dan diperluaskan lagi.

RUJUKAN

- MHTC. (2024, January 26). Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC). Retrieved from Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC): <https://www.mhtc.org.my/malaysia-healthcare-travel-industry-blueprint/>
- Musa, N., & Ideris, M. (2021, September 27). Media Mulia Sdn Bhd. Retrieved from Kosmo: <https://www.kosmo.com.my/2021/09/27/pelancongan-kesihatan-kian-lumpuh-hilang-berbilion-ringgit/>
- Zainuddin, M. (2021, Oct 21). BH, New Straits Times Press (M) Bhd. Retrieved from Berita Harian: https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/10/871079/bina-semula-sektor-pelancongan-kesihatan#google_vignette

Ringkasan Penulis:

Hasmiyatun Binti Jamaluddin merupakan Pensyarah, Unit Akademik Pengembaraan Pelancongan, Kolej Komuniti Jerai dan telah berkhidmat selama 15 tahun. Beliau mendapat Pendidikan tinggi di Universiti Utara Malaysia (UUM) dalam Ijazah Sarjana Muda (Pengurusan Pelancongan). Beliau pernah menyandang jawatan Ketua Program Sijil Pengembaraan Pelancongan selama 8 tahun di Kolej Komuniti Jerai dan selama 3 tahun di Kolej Komuniti Langkawi. Memiliki Persijilan Profesional Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang Pemanduan Pelancongan dan juga Kayak Star 1 dan 2. Beliau juga merupakan salah seorang penggubal kurikulum, Jadual Spesifikasi Ujian (JSU), rubrik, item soalan peperiksaan akhir dan penggubal norma peralatan bagi Sijil Pelancongan dan Pengembaraan yang digunakan bagi semua Kolej Komuniti yang menawarkan Sijil Pengembaraan Pelancongan.

Nazni binti Ahmad Nazri merupakan Pensyarah, Unit Akademik Pengembaraan Pelancongan, Kolej Komuniti Jerai dan telah berkhidmat selama 16 tahun. Beliau mendapat Pendidikan Tinggi di Universiti Sains Malaysia (USM) dalam Ijazah Sarjana (Pembangunan Pelancongan) dan di Universiti Utara Malaysia (UUM) dalam Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (Pengurusan Pelancongan). Beliau merupakan Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan dan Penyelaras Akreditasi Kolej Komuniti Jerai. Beliau juga merupakan salah seorang penggubal kurikulum Sijil Pengembaraan Pelancongan Kolej Komuniti. Memiliki Pensijilan Profesional Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam Bidang Pemanduan Pelancongan Bandar serta Sijil Kelayakan Instructor-led: Basic Reservation and Ticketing.

Roslizawati Che Aziz merupakan Profesor Madya di Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK), Universiti Malaysia Kelantan dan telah berkhidmat selama 15 tahun. Beliau mendapat Pendidikan tinggi di Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam Doktor Falsafah dan di Universiti Utara Malaysia dalam Sarjana Perniagaan (Pelancongan dan Hospitaliti) serta Ijazah Sarjana Muda (Pengurusan Pelancongan). Mempunyai minat dan kepakaran dalam bidang penyelidikan dan perundingan dalam bidang pelancongan eko, pengembaraan, rekreasi, kelestarian dan pelbagai aspek lain seperti perniagaan dan keusahawanan.

GLOW 014

IMPLIKASI PERKAHWINAN MUSLIM TANPA *KAFĀ'AH* TERHADAP KEHARMONIAN KELUARGA

Zuliza Mohd Kusrin¹, Latifah Abdul Majid¹ & Nor Faizah Ismail¹

¹*Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia*

zuliza@ukm.edu.my, umilm@ukm.edu.my & norfaizahismail58@gmail.com

Nor Syamlina Che Abdul Rahim²

²*Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan, Universiti Malaysia Kelantan*

[email: norsyamlina@ukm.edu.my](mailto:norsyamlina@ukm.edu.my)

Roseliza Murni Ab Rahman³

³*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia*

Email: rmurni@ukm.edu.my

Ringkasan: *Kafa'ah* adalah panduan memilih bakal suami dan isteri yang disyariatkan oleh Islam. Walaupun pemilihan suami atau isteri berpandukan *kafa'ah* adalah syarat lazim namun kajian lalu menunjukkan terdapat implikasi negatif sekiranya permilihan bakal suami atau isteri tersebut menafikan panduan *kafa'ah*. Artikel ini menganalisis impak perkahwinan tanpa *kafa'ah* terhadap keharmonian hubungan sosial keluarga menurut perspektif informan dalam kalangan pengamal perundangan, ahli akademik bidang kekeluargaan Islam dan kaunselor keluarga. Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Kaedah temu bual semi struktur dijalankan ke atas tujuh (7) orang ahli akademik dan pengamal yang terlibat secara langsung dalam bidang amalan perundangan Islam di Malaysia serta kaunseling keluarga. Data kajian dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti versi 8 secara koding terbuka dan dipersembahkan dalam bentuk naratif. Hasil analisis data kajian mendapati bahawa informan kajian bersetuju bahawa perkahwinan tanpa *kafa'ah* boleh mengarah kepada konflik rumah tangga jika tidak diberi perhatian semasa proses pemilihan suami atau isteri. Namun sekiranya pasangan suami isteri boleh menerima kekurangan masing-masing dan berusaha untuk menyetarakan perbezaan antara mereka, ia akan menyelesaikan isu jurang antara pasangan tersebut. Pemilihan jodoh berdasarkan kriteria *kafa'ah* yang dianjurkan oleh Islam wajar dijadikan panduan kerana sebahagian besar konflik rumah tangga berlaku kerana tiada persefahaman antara pasangan suami isteri yang jelas didapati kesan daripada perkahwinan yang dilaksanakan tanpa melihat aspek *kafa'ah*.

Kata Kunci: *Kafa'ah*, sekufu, Muslim, perkahwinan, konflik rumah tangga, Islam.

PENGENALAN

Perkahwinan yang harmoni seringkali dikaitkan dengan pasangan suami isteri yang sepadan, sehingga dilihat sebagai pasangan yang setara atau sekufu. Pemilihan jodoh dalam Islam dipandu melalui hadith yang menyatakan empat kriteria utama pemilihan jodoh iaitu harta, keturunan, kecantikan dan diutamakan yang mempunyai agama dan beramal dengannya (al-Zuhaily 2012). Seterusnya para ulama klasik daripada Mazhab Syafie yang telah menambah kriteria lain iaitu kriteria kesihatan dan Mazhab Maliki menambah kriteria calon yang merdeka. Perbahasan *kafa'ah* (sekufu) dari sudut kriteria menjadi semakin luas sejajar dengan perkembangan zaman. Ibnu Qayyim pula berpandangan bahawa konsep *kafa'ah* dalam perkahwinan hanya dalam agama dan kualiti keagamaan seseorang pasangan itu. Kualiti keagamaan adalah dengan mengamalkan perintah Allah SWT dengan baik, taat dan patuh serta tidak mengerjakan perbuatan yang dilarang dalam agama. Manakala kriteria-kriteria lain seperti kecantikan, harta, pekerjaan, status merdeka dan keturunan tidak termasuk dalam kriteria *kafa'ah* dalam perkahwinan (Munazirah 2018).

Ulamak fiqh berbeza pandangan berkenaan kedudukan hukum *kafa'ah* dalam perkahwinan, Sesetengah ulama' seperti al-Tsauri, Hasan al-Basri dan al-Karhi berpendapat bahawa *kafa'ah* bukanlah merupakan syarat sah pernikahan mahupun syarat lazim, bermaksud mereka tidak mengiktiraf tentang kewujudan *kafa'ah* di dalam perkahwinan. Manakala jumhur fuqaha' terdiri daripada Maliki, Hanafi, Syafi'i dan Hanbali mengiktiraf kewujudan *kafa'ah* dengan berpendapat bahawa ianya merupakan syarat lazim di dalam perkahwinan, namun ketiadaan *kafa'ah* (sekufu) di dalam perkahwinan boleh mendorong kepada keruntuhan rumah tangga. Walaupun isu *kafa'ah* (sekufu) tidak tersenarai dalam faktor utama berlakunya perceraian secara zahir, namun ketiadaan *kafa'ah* (sekufu) boleh menjadi penyebab secara tidak langsung tercetusnya konflik dalam rumah tangga yang berkemungkinan membawa pada perceraian. Hal ini berpunca daripada wujudnya jurang perbezaan yang ketara di antara suami dan isteri (Nurhanisah 2023). Perkahwinan yang tidak menerapkan prinsip kesetaraan dalam rumah tangga akan mengalami kesulitan dalam menyesuaikan diri antara satu sama lain (Syarifah Gustiawati & Novia 2016).

Hikmah *kafa'ah* disyariatkan adalah untuk menjaga ikatan rumah tangga antara suami isteri dan mencegah berlakunya perceraian. Dengan adanya penerapan konsep *kafa'ah* dalam sebuah ikatan perkahwinan, ianya akan dapat membantu pasangan untuk lebih memahami isi hati masing-masing. Hal ini kerana, persefahaman antara suami dan isteri merupakan salah satu faktor penting untuk mewujudkan keluarga yang harmoni (Mizairi & Mustapha 2018). Seterusnya, *kafa'ah* juga dapat mewujudkan keadilan dan kesetaraan dalam kalangan pasangan serta mengangkat martabat kaum wanita (H. Otong 2017). Perbahasan kajian lalu menjelaskan kepentingan pemilihan jodoh berasaskan *kafa'ah*. Dalam Islam *kafa'ah* bukanlah syarat sah dalam

perkahwinan tetapi perlu diberi penekanan semasa proses pemilihan jodoh. Para sarjana kontemporari serta sarjana Barat juga mengakui kepentingan *kafa'ah* semasa proses pemilihan jodoh dan impaknya terhadap kelangsungan keharmonian rumah tangga. Justeru kajian ini menganalisa pandangan informan di Malaysia terhadap impak perkahwinan tanpa *kafa'ah*.

KAEDAH PENYELIDIKAN

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Rujukan dibuat terhadap kajian lalu dan kaedah temu bual semi struktur dijalankan ke atas tujuk (7) orang ahli akademik dan pengamal yang terlibat secara langsung dalam bidang amalan perundangan Islam di Malaysia serta kaunseling keluarga. Soalan temubual telah dibangunkan berdasarkan input daripada data kajian lalu dan kemudiannya dibincangkan bersama ahli penyelidik dalam pakar bidang kekeluargaan Islam. Protokol temubual dilakukan dengan membuat temujanji dan memberi soalan-soalan terlebih dahulu sebelum sesi temubual dilakukan. Bagi memenuhi fokus artikel ini, rujukan dilakukan terhadap data temubual berkaitan tema impak perkahwinan tanpa *kafa'ah* dengan mengajukan soalan asas iaitu "Apakah impak perkahwinan tanpa *kafa'ah*?". Data temubual kemudiannya dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti versi 8.0 secara koding terbuka dan dipersembahkan dalam bentuk naratif.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Impak Perkahwinan Tanpa *Kafa'ah* Dari Aspek Agama

Dapatkan temubual menunjukkan impak perkahwinan tanpa *kafa'ah* dari aspek agama berlaku apabila pasangan mualaf tidak memahami ajaran agama Islam dan menyebabkan mereka masih terikat dengan amalan ajaran sebelum memeluk agama Islam. Konflik rumah tangga turut berlaku sepertimana yang direkodkan dalam kes keluar agama Islam oleh mualaf. Hal ini juga membimbangkan kerana sekiranya mereka berkahwin dan tidak mengalami konflik rumah tangga, sebahagiannya memilih jalan mudah untuk meleraikan ikatan perkahwinan dengan cubaan mengisyiharkan dirinya keluar agama Islam.

Berdasarkan kes-kes mahkamah tersebut, seseorang muslim yang berhasrat untuk menikahi golongan mualaf memikul tanggungjawab besar, bukan hanya berdakwah mengislamkan pasangannya tetapi bertanggungjawab juga membimbing pasangan mualaf agar mengenali agama Islam dan beramal dengannya. Kes-kes sedemikian menjelaskan bahawa *kafa'ah* dari aspek agama sangat penting kerana kegagalan suami mendidik isterinya dengan ajaran agama Islam akan menyebabkan berlaku konflik rumah tangga dan menjadi punca perceraian

Dapatan temubual juga mendapat terdapat isu perceraian yang berlaku berpunca daripada pelaksanaan ibadah wajib yang diabaikan oleh pasangan sama ada isteri atau suami. Pasangan suami isteri yang mengabaikan tanggungjawab melaksanakan solat secara tidak langsung akan memberi kesan kepada keharmonian rumah tangga. Menurut Rogayah et al. (2021), kurangnya ilmu dan penghayatan agama merupakan punca utama perceraian pasangan suami isteri sehingga menyebabkan suami menimbulkan pelbagai masalah rumah tangga seperti mengabaikan tanggungjawab nafkah, penderaan dan berlaku curang. Malah, penguasaan terhadap ilmu-ilmu asas fardhu ain yang sangat lemah dan ilmu kekeluargaan Islam yang tidak dititikberatkan dalam rumah tangga menyebabkan pasangan terlibat dengan budaya sosial yang tidak sihat (Mohd Fadli & Zaini 2023).

Impak Perkahwinan Tanpa *Kafa'ah* Dari Aspek Keturunan

Perkahwinan tanpa *kafa'ah* dari aspek keturunan menyebabkan ketidakselarasan dalam latar belakang dan sejarah keluarga. Keserasian dalam taraf sosial memudahkan pasangan untuk menyesuaikan diri dengan tradisi dan adat keluarga masing-masing. Selain itu, aspek kehartaan perlu dipertimbangkan dalam sesebuah perkahwinan kerana ia boleh mempengaruhi kehidupan yang kukuh, sejahtera dan seimbang bersama pasangan dalam jangka masa yang panjang.

Kafa'ah juga dikaitkan dengan penerimaan atau reaksi negatif keluarga pasangan suami atau isteri tersebut yang beranggapan pasangan anaknya adalah tidak sekufu atau setaraf dengan keluarga mereka. Antara tindakan negatif keluarga apabila tidak dapat menerima menantu dalam keluarganya dengan memberi layanan buruk dan memandang rendah terhadap menantunya. Rentetan daripada penerimaan dan layanan yang buruk tersebut menyebabkan timbul perasaan kecil hati yang akhirnya menyebabkan anak menantu tersebut menjauhkan diri daripada ibubapa dan keluarganya sehingga kepada tindakan merenggangkan silaturahim kekeluargaan mereka.

Isu *kafa'ah* dari aspek keturunan juga menjadi salah faham dalam kalangan masyarakat kerana masyarakat tidak memahaminya sepertimana yang disyariatkan oleh Islam. Ia selaras dengan pandangan informan bahawa pemilihan calon suami /isteri dalam kalangan yang berketurunan syed syarifah merupakan stigma dalam masyarakat. Kes-kes di mahkamah berkaitan wali enggan menjelaskan situasi salah faham tersebut apabila mahkamah memutuskan keingkaran wali untuk memberi keizinan kepada anak dara berkahwin dengan anaknya kerana tidak sekufu, iaitu lelaki tersebut bukan daripada keturunan Syed dan Sharifah telah ditolak oleh hakim.

Impak Perkahwinan Tanpa *Kafa'ah* Dari Aspek Kehartaan

Tiada *kafa'ah* dari aspek kehartaan berkemungkinan menimbulkan masalah dalam hubungan suami isteri. Antara masalahnya ialah kecenderungan antara pasangan untuk mengungkit-ungkit kedudukan kewangan pasangannya. *Kafa'ah* dari aspek kehartaan boleh diatasi sekiranya pasangan suami isteri boleh menerima kekurangan pasangan masing-masing. Tambahan lagi jika suami isteri tersebut sama-sama bekerja dan berusaha menambah harta, ia secara tidak langsung mengatasi isu tiada *kafa'ah* dari aspek kehartaan.

Tidak sekufu dari aspek pekerjaan juga boleh dikaitkan dengan taraf sosial seseorang. Ia boleh berlaku antara pasangan yang asalnya berada di taraf sosial yang sama, namun apabila salah seorang daripada pasangan tersebut, sama ada suami/isteri dikurniakan kenaikan pangkat menyebabkan antara mereka beranggapan pasangannya tidak lagi sekufu.

Impak Perkahwinan Tanpa *Kafa'ah* Dari Aspek Taraf Sosial & Gaya Hidup

Kajian ini mendapati *kafa'ah* perlu juga mengambil kira latar belakang bakal suami/isteri masing-masing. Umpama peribahasa ‘duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi’. Hal ini penting untuk mengelakkan jurang perhubungan mahupun interaksi kekeluargaan antara bukan sahaja suami isteri, malahan antara ibubapa dan kaum keluarga pasangan tersebut.

Hal ini adalah berkaitan dengan taraf sosial terutamanya pihak isteri yang dibesarkan dalam kalangan keluarga yang mempunyai pembantu rumah. Oleh itu menjadi kejanggalan semasa berada atau menetap bersama keluarga suaminya, di mana pihak isteri lazimnya perlu melakukan kerja rumah yang lazimnya dilakukan oleh pembantunya. Kesan persepsi masyarakat terhadap perkahwinan yang tidak sekufu dari segi taraf sosial dapat memberi tekanan emosi dan sosial kepada pasangan, mencetuskan konflik dan ketidakseimbangan dalam hubungan.

Impak Perkahwinan Tanpa *Kafa'ah* Dari Aspek Pendidikan & Pekerjaan

Terdapat juga perkahwinan yang berlangsung antara isteri yang berpendidikan lebih tinggi daripada suami. Hal sedemikian boleh menimbulkan ketegangan hubungan antara suami siteri sekiranya mereka mempunyai pandangan dan pemikiran yang berbeza. Lazimnya pihak suami/isteri yang mempunyai kedudukan pelajaran yang lebih tinggi akan berusaha memenangkan pandangannya. Terdapat kemungkinan bahawa isteri yang memiliki pendidikan lebih tinggi daripada suami lebih dominan dalam membuat sesuatu keputusan atau mengurus rumah tangga sehingga menyebabkan suami merasa terancam dalam hubungan keluarga.

Menurut Nurhanisah et al. (2023), kecenderungan berlakunya konflik rumah tangga juga adalah dua kali lebih tinggi apabila isteri mempunyai tahap pendidikan yang lebih daripada suami. Walau bagaimanapun, tidak semua perkahwinan yang apabila isteri mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi daripada suami tidak mempunyai keserasian, kerana keserasian wujud dari aspek yang lain.

Terdapat kemungkinan bahawa isteri yang memiliki pendapatan lebih tinggi daripada suami lebih dominan dalam membuat sesuatu keputusan atau mengurus rumah tangga sehingga menyebabkan suami merasa terancam dalam hubungan keluarga. Menurut Shafiyah Iqlima (2020), dalam laporan yang dibentangkan di peringkat Parlimen, mengatakan gaji suami lebih rendah daripada isteri antara punca terbaru berlaku perceraian. Oleh itu, bagi mengelakkan pergaduhan dan konflik antara pasangan disebabkan suami rasa rendah diri, isteri perlu menerima dan rasa bersyukur tidak kira berapa banyak wang yang diperoleh suami (Hassan Suleiman & Nurul Afifah 2023).

KESIMPULAN/ PENUTUP

Pemilihan jodoh berdasarkan kriteria *kafa'ah* yang dianjurkan oleh Islam wajar dijadikan panduan kerana sebahagian besar konflik rumah tangga berlaku kerana tiada persefahaman antara pasangan suami isteri yang jelas didapati kesan daripada perkahwinan yang dilaksanakan tanpa melihat aspek *kafa'ah*. Walaupun kriteria *kafa'ah* dalam Islam telah dijadikan panduan oleh pasangan Muslim, tidak dinafikan masih berlaku ketidakharmonian. *Kafa'ah* adalah suatu konsep yang subjektif dan kriterianya berkembang sebahagiannya terkesan dengan perkembangan gaya hidup serta sosio ekonomi. Justeru kriteria *kafa'ah* perlu diperkembangkan bagi mendidik masyarakat memahami membina keluarga sejahtera.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia kerana menganugerahkan Geran Penyelidikan Universiti bertajuk : Garis Panduan Penentuan Kriteria *Kafa'ah* dalam Perkahwinan Menurut Maqasid Syariah dengan kod penyelidikan GUP-2022-032.

RUJUKAN

- Hasan Suleiman & Nurul Afifah Mohamad Farid. (2023). The rate of divorce among Muslim couples in Malaysia: a legal analysis of the causes and consequences. IIUM Journal of Religion and Civilisational Studies (IJRCS) 6(1): 25-43.
- H. Otong Husni Taufik. (2017). *Kafa'ah* dalam pernikahan menurut hukum Islam. Jurnal Ilmiah Galuh Justisi 5(2): 168-181.

Mohd Fadli Sulaiman & Zaini Nasohah. (2023). Sorotan Literatur punca penceraian awal perkahwinan di Malaysia. Bitara International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences. 6(4): 28-39.

Nurhanisah Hadigunawan, Rafeah Saidon, Shadli Sabarudin & Fatin Nabilah Abdul Wahid. (2023). Faktor tiada persefahaman: kajian kes penceraian di mahkamah rendah syariah Shah Alam. International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC) 8(32): 88-99.

Miszairi Sitrus & Mustafa Mat Jubri @Shamsuddin. (2018). Persyaratan Kafa'ah di dalam akad nikah dan amalannya di dalam undang-undang keluarga Islam di Malaysia. Melaka: Konvensyen Serantau Pengajian Islam RCIS.

Munazirah. (2018). Konsep Kafa'ah dalam pernikahan menurut ibnu Qayyim al-Jauziyyah. Tesis Sarjana. Fakultas Syariah dan Hukum, Universitas Islam Negeri ar-Rainy Aceh.

Rogayah Estar Mohamadi, Elmi Baharuddini, Noorazeen Razali, Nurul Ashiqin Jaafari & Nur Filzahruz Mohamad Sahi. (2021). Punca Perceraian Pasangan Dewasa Islam: Perspektif Badan Pelaksana. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa 26(2): 368-380.

Shafiyah Iqlima Mohd Nadzri. (2020). Polemik Perceraian Di Malaysia. Vol. 15/2020.

Syarifah Gustiawati & Novia Lestari. (2016). Aktualisasi konsep kafa'ah dalam membangun keharmonisan rumah tangga. Journal of Islamic Law 4(1): 33-86.

al-Zuhayli, Wahbah. (2012). Al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuh. Edisi ke-3. Damascus: Dar al-Fikr.

Ringkasan Penulis:

Zuliza Mohd Kusrin (Ph.D) merupakan Professor Madya di Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Sivil dan Syariah), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau telah dianugerahkan Ijazah Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Birmingham, United Kingdom. Bidang beliau adalah berkaitan undang-undang keluargaan perbandingan, undang-undang perlembagaan perbandingan dan undang-undang pentadbiran Islam. Penyelidikan beliau berkaitan kekeluargaan Islam seperti kajian perkahwinan bawah umur, nafkah penentuan kriteria kafa'ah dalam perkahwinan, penyusuan dalam Islam. Beliau juga terlibat dengan penyelidikan berkaitan hak perundungan autism. Beliau telah menerbitkan lebih 100 penerbitan akademik di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Latifah Abdul Majid (Ph.D) merupakan Prof. Madya di Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau merupakan pemegang Ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Lampeter Wales, United Kingdom. Bidang penyelidikan beliau adalah berkaitan dengan al-Quran dan al-Sunnah, hadis dan isu semasa, pemikiran liberalisme dan pluralisme. Beliau telah menerbitkan lebih 100 penerbitan di peringkat global dan kebangsaan.

Norsyamlina Che Abdul Rahim (Ph.D) merupakan Pensyarah Kanan di Universiti Malaysia Kelantan. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Makanan dan Pemakanan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Sarjana Kesihatan Awam dalam Pemakanan Komuniti, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau merupakan pemegang PhD (Kesihatan Wanita) dari Universiti Sains Malaysia. Beliau pernah berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai Pegawai Sains (Pemakanan) selama 18 tahun. Kepakaran beliau adalah dalam bidang yang berkaitan dengan pemakanan ibu, bayi dan kanak-kanak kecil, penyusuan susu bayi, keperluan nutrien pemakanan komuniti, penilaian status pemakanan dan isu kitaran pemakanan sepanjang hayat. Beliau telah menerbitkan lebih 50 penerbitan di peringkat global dan kebangsaan.

Roseliza Murni Ab Rahman (Ph.D) adalah pensyarah kanan di Pusat Kajian Psikologi & Kesejahteraan Manusia (PsiTra), FSSK. Beliau adalah pakar dalam bidang Psikologi klinikal yang mengkhusus kepada pendiagnosan, rawatan dan pencegahan bagi pelbagai jenis kecelaruan mental. Beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Psikologi daripada California State University Sacramento, USA dan mendapat Ijazah Sarjana dalam bidang Psikologi klinikal daripada The University of Queensland, Australia. Beliau seterusnya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Psikologi daripada Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian beliau banyak berfokus kepada pengulangan semula skizofrenia, keupayaan individu yang mengalami autism serta psikopatologi dalam kalangan penagih dadah. Beliau juga aktif menerbit artikel di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Nor Faizah Ismail (Ph.D) merupakan Pembantu Penyelidik di Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau merupakan pemegang Ijazah Doktor Falsafah pada tahun 2023 dari Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bidang Komunikasi Islam. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Pengajian Islam dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2019 dan Ijazah Sarjana Muda Syariah dari Universiti Yarmouk Jordan pada tahun 2012. Bidang kepakaran beliau adalah berkaitan dakwah media siber dan Kewarganegaraan Digital Islam.

GLOW 015

PERSEPSI MASYARAKAT MUSLIM TERHADAP AMALAN PEMILIHAN JODOH BERASASKAN KRITERIA AGAMA

Zuliza Mohd Kusrin¹, Salasiah Hanin Hamjah ¹ & Muhammad Nazir Alias¹

¹*Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia*

Email: zuliza@ukm.edu.my, salhanin@ukm.edu.my & nazir@ukm.edu.my

Nor Syamlina Che Abdul Rahim²

²*Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan, Universiti Malaysia Kelantan*

Email: norsyamlina@ukm.edu.my

Roseliza Murni Ab Rahman³

³*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia*

Email: rmurni@ukm.edu.my

Ringkasan: Pemilihan jodoh merupakan perkara yang penting dalam kehidupan setiap insan, kerana jika dilakukan tanpa mengambil kira kriteria kafa'ah boleh mengakibatkan konflik keluarga seperti percaduhan, penderaan, perceraian kerana tiada persefahaman. Islam meletakkan kriteria beragama sebagai salah satu kriteria penting dalam pemilihan jodoh, berasaskan andaian seseorang yang memahami ajaran agama Islam dalam perkahwinan akan berupaya melaksanakan tanggungjawab sebagai suami mahupun isteri. Justeru itu kajian ini dilakukan untuk menganalisis persepsi masyarakat Muslim di Malaysia terhadap amalan pemilihan jodoh berasaskan kriteria agama yang boleh menjamin kesejahteraan keluarga. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan. Borang soal selidik merupakan instrumen dalam pengumpulan data. Seramai 381 orang responden telah dipilih dalam kajian ini secara persampelan mudah. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS 28.0) dan dipersembahkan dalam bentuk statistik deskriptif iaitu peratusan, kekerapan, skor min dan sisihan piawai. Hasil kajian mendapati semua item bagi amalan pemilihan pasangan hidup/jodoh dari aspek agama mencatat nilai skor min yang tinggi iaitu antara 4.20-4.90. Kajian ini menunjukkan bahawa responden meletakkan kriteria beragama sebagai aspek yang penting dalam amalan memilih jodoh. Sikap beragama seseorang bukan sahaja merupakan kriteria utama dalam sistem perkahwinan Islam tetapi sebagai asas yang penting untuk membina keluarga yang harmoni.

Kata Kunci: *Kafa'ah, sekufu, Muslim, perkahwinan, konflik rumahtangga, Islam.*

PENGENALAN

Dalam perkahwinan Islam konsep *kafa'ah* adalah penting yang mana ia menyarankan agar pemilihan jodoh mengutamakan calon beragama, iaitu mempunyai pengetahuan agama dan beramal dengan pengetahuan tersebut. Walaupun penekanan mengutamakan calon yang beragama itu penting namun terdapat juga masyarakat Muslim yang kurang menganggap ia perlu untuk kelangsungan kesejahteraan hubungan interpersonal dalam sesebuah keluarga.

Kafa'ah atau keserasian merupakan elemen penting dalam memulakan rumah tangga yang bahagia yang akan terbentuk melalui keupayaan pasangan untuk berinteraksi di tahap emosi, kognitif, fizikal serta saling menerima antara pasangan (Brauer et al. 2022). Walaupun konsep *kafa'ah* adalah penting dalam perkahwinan umat Islam, namun ia tidak diperincikan secara spesifik dalam al-Quran, hadith mahupun undang-undang perkahwinan. Konsep *kafa'ah* mendapat perhatian yang besar oleh para ulama mazhab dan dianggap penting untuk mencapai tujuan perkahwinan. Dalam Islam terdapat beberapa kriteria yang perlu dipertimbangkan oleh calon pasangan suami atau isteri apabila mendirikan rumah tangga iaitu harta, keturunan, kecantikan dan agama (Abdul Munir & Muhamad 2017).

Kafa'ah sangat penting sebagai satu usaha untuk mengelakkan berlakunya masalah dan konflik dalam rumah tangga (Qodariyah & Andriyani 2020). Pasangan yang benar-benar mengenali satu sama lain dapat memahami keinginan, pemikiran dan sikap masing-masing (Decuyper et al. 2012; Brandstatter et al. 2018). Para fuqaha' telah bersepakat bahawa kriteria agama merupakan kriteria yang menjadi keutamaan dalam *kafaah* (al-Zuhaily 2012). Pada asasnya *kafa'ah* mengukur keserasian seseorang dalam memilih pasangannya, dan yang paling dilihat ialah faktor agama iaitu sejauh mana pasangan mampu mendidik dan melindungi keluarganya daripada perkara yang mampu menjauhkan diri dari syariat Allah SWT (Abdul Hadi, 2020). Kemampuan beragama berkait rapat dengan isu akidah (kepercayaan), ibadah, akhlak (etika) dan muamalah (hubungan sosial). Allah SWT telah melarang mengahwini lelaki atau perempuan yang musyrik sehingga mereka beriman (al-Quran, al-Baqarah: 221). Untuk memastikan pembinaan kesejahteraan keluarga berteraskan nilai-nilai Islam, kesamaan dan kefahaman agama memainkan peranan yang penting bagi menjamin kebahagiaan rumah tangga. Justeru itu, artikel ini bertujuan untuk mengkaji persepsi masyarakat Muslim di Malaysia terhadap amalan pemilihan jodoh berdasarkan kriteria agama.

KAEDAH PENYELIDIKAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan. Pengumpulan data kajian pula menggunakan instrumen soal selidik kerana bersesuaian dengan objektif kajian iaitu untuk menganalisis persepsi masyarakat Muslim di Malaysia terhadap amalan pemilihan jodoh berasaskan kriteria agama. Sebelum soal selidik ini diedarkan kepada responden, kajian rintis telah dijalankan melibatkan seramai 30 orang responden yang mempunyai ciri-ciri yang sama. Ujian kebolehpercayaan yang dijalankan mencatat nilai *Alpha Cronbach* pada tahap yang baik iaitu =0.881. Soal selidik diedarkan melalui perisian *google form* dan melibatkan 381 orang responden secara persampelan mudah. Selepas soal selidik selesai diedarkan dalam tempoh 2 bulan, data dimasukkan dan melalui proses pembersihan, sejumlah 381 responden yang telah diperoleh. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science Version* (SPSS 28.0) melalui statistik deskriptif iaitu peratusan, kekerapan, skor min dan sisihan piawai dan kemudiannya dipersembahkan secara naratif mengikut tema bersesuaian.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Responden kajian ini terdiri daripada 104 orang lelaki (27.3%) dan 277 orang perempuan (72.7%). Dari sudut taburan status responden, seramai 196 orang (51.4%) adalah responden sudah berkahwin, 173 orang (45.4%) belum berkahwin, 9 orang (2.45%) adalah janda, dan 3 orang (0.8%) duda. Dari sudut umur responden dikategorikan kepada 5 peringkat umur dan kategori umur 22-30 tahun adalah paling tinggi iaitu seramai 181 orang (47.5%). Bagi kategori umur 31-40 tahun seramai 68 orang (17.8%), 41-50 tahun 59 orang (15.5%), 51 tahun ke atas 59 orang (15.5%) dan hanya 14 orang (3.7%) responden dalam kategori umur 18-21 tahun. Dapatkan ini menunjukkan golongan belia antara usia 22-30 tahun lebih mudah memberikan maklum balas terhadap soal selidik yang diedarkan.

Amalan memilih pasangan dari aspek agama

Kriteria agama memainkan peranan yang penting dalam mengekalkan keserasian dalam sesebuah perkahwinan. Pasangan yang mempunyai komitmen yang baik terhadap agama lebih cenderung untuk membina keharmonian dalam rumah tangga sesuai dengan ajaran agama. Item yang tertinggi iaitu “responden memastikan memilih calon pasangan yang memelihara maruah diri” mencatat nilai min yang tinggi iaitu 4.82. Terdapat 81.4% responden sangat bersetuju dan 18.6% setuju dengan pemilihan calon pasangan dari aspek menjaga maruah diri. Kewajipan menjaga maruah pasangan suami atau isteri bertujuan untuk menghalang banyak keburukan dan fitnah dalam rumah tangga.

Item kedua tertinggi mencatat nilai min = 4.81, menunjukkan responden meletakkan keutamaan memilih calon pasangan dari aspek melaksanakan kewajipan agama iaitu berpuasa di bulan Ramadhan. Tanggungjawab melaksanakan kewajipan berpuasa di bulan ramadhan dapat meningkatkan kesedaran spiritual kepada pasangan suami isteri kerana tujuan berpuasa bukan sahaja untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT tetapi juga melatih kesabaran dan disiplin diri dalam mengatasi konflik serta ujian hidup.

Selain itu, kajian ini mendapati, nilai min kedua tinggi iaitu min=4.80 terletak pada tiga item iaitu “ Saya memastikan memilih calon pasangan yang mendirikan solat lima waktu sehari semalam”, “saya memastikan memilih calon pasangan yang cenderung menjauhkan diri daripada melakukan perbuatan haram” dan item ‘saya memastikan memilih calon pasangan yang memelihara akhlak dan agama’. Dapatkan ini jelas menunjukkan responden dalam kajian ini sangat menekankan pemilihan jodoh dalam kalangan pasangan yang menjaga solat 5 waktu, tidak melakukan perbuatan haram serta menjaga akhlak dan agama.

Sekiranya calon suami mahupun isteri tidak menunaikan solat menyebabkan kesukaran untuk mendidik keluarga untuk menunaikan suruhan solat tersebut. Majoriti responden meletakkan keutamaan memilih jodoh yang menjaga kewajipan mendirikan solat lima waktu sehari semalam kerana lazimnya penghayatan Islam melalui pelaksanaan ibadah solat fardhu memberi kesan kepada keharmonian rumah tangga. Item seterusnya ialah “saya memastikan memilih calon pasangan yang cenderung menjauhkan diri daripada melakukan perbuatan haram” menunjukkan 81.1% responden sangat bersetuju, 18.4% setuju dan hanya 0.6% yang tidak setuju. Dapatkan ini membuktikan responden meletakkan keutamaan calon pasangan yang tidak terlibat dengan perkara yang haram dalam Islam.

Selain itu, item ‘saya memastikan memilih calon pasangan yang memelihara akhlak dan agama’ mendapat nilai min kedua tinggi iaitu min=4.80. Dapatkan ini selari dengan kajian Hanin dan Mustafa (2019) bahawa agama dan akhlak menjadi salah satu elemen penting dalam pemilihan jodoh oleh masyarakat Malaysia. Dapatkan seterusnya menunjukkan responden cenderung memilih calon pasangan yang tidak mengabaikan kewajipan membayar zakat fitrah dengan nilai min = 4.79. Dalam Islam tanggungjawab menunaikan zakat fitrah yang diwajibkan ke atas setiap Muslim bukan sahaja bertujuan untuk membersihkan harta, tetapi mendatangkan keberkatan rezeki dalam keluarga. Responden kajian ini menunjukkan kefahaman berkaitan tanggungjawab menunaikan zakat.

Responden juga memilih calon pasangan yang cenderung melaksanakan ajaran agama Islam, mencatat nilai min yang tinggi iaitu 4.78. Hamba yang mampu melaksanakan tanggungjawab yang baik kepada pencipta dapat melahirkan kesejahteraan serta pertumbuhan emosi, sosial dan rohani yang sihat dan seimbang. Pengamalan agama menjadi penghalang berlakunya konflik dalam rumah tangga kerana hasil daripada ibadah solat yang khusyuk dan membaca al-Quran mampu membimbing pasangan untuk berfikiran rasional

Terdapat dua item yang mencatat skor min persetujuan =4.74 iaitu item “memilih calon pasangan yang melaksanakan kebaikan dan mencegah kemungkaran” dan item “memastikan memilih calon pasangan yang dapat membimbing saya mengamalkan ajaran Islam dengan baik” mencatat min persetujuan yang tinggi =4.74. Dalam Islam, antara tanggungjawab seorang suami terhadap isteri ialah membimbing pasangan supaya mengamalkan ajaran Islam. Isteri berhak menerima bimbingan, nasihat dan didikan dari suami dari beberapa aspek iaitu agama, pergaulan sesama saudara, cara mendidik anak, akhlak dengan jiran tetangga, cara berpakaian, dan sebagainya (Robiatul Adawiyah 2009).

Dapatan kajian ini juga menunjukkan responden meletakkan keutamaan calon suami atau isteri yang melaksanakan kebaikan dan mencegah kemungkaran. Islam sangat menitikberatkan perkara yang mendatangkan kebaikan dan mencegah keburukan seperti seorang isteri berdua-duaan dengan lelaki yang bukan mahramnya, wajib menutup aurat, dan tidak bercakap dengan suara yang lemah lembut. Dapatan kajian ini menunjukkan responden meletakkan keutamaan calon pasangan yang menutup aurat dengan sempurna. Berdasarkan item “memastikan memilih calon pasangan yang menutup aurat dengan sempurna” min persetujuan yang dilaporkan adalah tinggi =4.70. Kewajipan menutup aurat dalam Islam bertujuan untuk memelihara kehormatan dan kemuliaan khususnya wanita Muslimah.

Dapatan juga menunjukkan responden cenderung memilih calon yang boleh membaca al-Quran mencatat skor min persetujuan yang tinggi = 4.67. Amalan beragama melalui ibadah wajib dan sunat seperti melaksanakan solat berjemaah, membaca al-Quran dan berdoa merupakan asas yang digunakan oleh pasangan berkahwin dalam menghadapi cabaran atau isu dalam perkahwinan (Dini Farhana et al. 2018). Begitu juga item “memastikan memilih calon pasangan yang menyertai aktiviti keagamaan di masjid/surau (solat berjemaah, ceramah agama, qiyam dan lain-lain)” mencatat skor min= 4.29. Berdasarkan dapatan kajian lepas iaitu pasangan yang melaksanakan aktiviti keagamaan bersama mampu mengekalkan keharmonian dalam perkahwinan serta mengukuhkan keharmonian hubungan antara suami dan isteri (Dini Farhana et al. 2018). Hal ini dikatakan demikian kerana, keterlibatan aktiviti keagamaan secara bersama

pasangan merupakan elemen yang mempunyai signifikan dengan kestabilan rumah tangga (Butler et al. 2002).

KESIMPULAN/ PENUTUP

Kriteria agama diutamakan dalam pemilihan jodoh menurut panduan *kafa'ah*. Hasil dapatan kajian ini juga jelas menunjukkan majoriti responden memilih jodoh yang mempunyai kriteria agama dari aspek melaksanakan hukum hakam agama Islam dan menghindari perkara mungkar. Dapatan soal selidik berkaitan persepsi masyarakat muslim di Malaysia terhadap amalan pemilihan jodoh berdasarkan kriteria agama adalah pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa responden memahami bahawa agama adalah kriteria yang penting dalam pemilihan jodoh untuk menanam nilai-nilai keagamaan dalam pembinaan hubungan keluarga mereka. Pemahaman yang tinggi terhadap persepsi memilih jodoh dengan mengutamakan kriteria agama adalah suatu kefahaman dan kesedaran yang positif untuk membentuk keluarga harmoni. Kajian ini menyumbang kepada input pembangunan modul perkahwinan bagi memperkasakan institusi perkahwinan keluarga Muslim di Malaysia.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia kerana menganugerahkan Geran Penyelidikan Universiti bertajuk : Garis Panduan Penentuan Kriteria *Kafa'ah* dalam Perkahwinan Menurut Maqasid Syariah dengan kod penyelidikan GUP-2022-032.

RUJUKAN

- Abdul Hadi Ismail. (2020). *Kafa'ah in the Muslim Community Marriage: a study of the social history of Islamic Law*. Indonesia Journal of Education. 1(1): 16-23.
- Abdul Munir Ismail & Muhamad AR. (2017). Analisis awal pemilihan jodoh kaum lelaki di Kota Bharu Kelantan. Jurnal Hikmah 9(1): 3-24.
- Belsky, J. (1997). *The adult experience*. West Publishing Company: United States.
- Brandstatter, Herman., Veronika Brandstatter & Rainer B. Pelka. (2018). Similarity and positivity of personality profiles consistently predict relationship satisfaction in Dyads. *Frontiers Psychology* 9 (June): 1-18.
- Brauer, Kay, Rebekka, Sendatzki,, Fabian, Gander, Willibald, Ruch., & René T. Proyer. (2022). Profile similarities among romantic partners' character strengths and their associations with relationship and life satisfaction. *Journal of Research in Personality* 99.
- Butler, M. H., Stout, J. A., & Gardner, B. C. (2002). Prayer as a Conflict Resolution Ritual: Clinical Implications of Religious Couples' Report of Relationship Softening, Healing Perspective, and Change Responsibility. *American Journal of Family Therapy*, 30(1): 19-37.

Decuyper, Mieke., Marleen De Bolle & Filip De Fruyt. (2012). Personality similarity, perceptual accuracy and relationship satisfaction in dating and marital couples. Personal Relationships 19(1): 128-145.

Dini Farhana Baharudin, Suhailiza Md. Hamdani, Marina Munira Abdul Mutualib & Mohd Zaliridzal Zakaria. (2018). Kefahaman beragama dan proses transformasi hubungan pasangan dalam perkahwinan. 4th International Conference on Islamiyyat Studies 2018 18th-19th September 2018. Tenera Hotel Bandar Baru Bangi, Selangor.

Hanin Adila Muhammad Aminudin & Mustafa Mat Jubri @ Samsuddin. (2019). The Understanding of Malaysian society on kafa'ah concept in marriage. Journal Muwafaqat. 2(2): 104-118.

Qodariah Barkah & Andriyani. (2020). Maqasid al-Syariah concept of Kafa'ah in marriage. NURANI 20(1): 107-116.

Robiatul Adawiyah Mohd. (2009). Hak-hak isteri dalam perkahwinan menurut al-Quran dan al-Sunnah. al-Zuhayli, Wahbah. (2012). Al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuh. Edisi ke-3. Damascus: Dar al-Fikr.

Ringkasan Penulis:

Zuliza Mohd Kusrin (Ph.D) merupakan Prof. Madya di Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Sivil dan Syariah), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau telah dianugerahkan Ijazah Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Birmingham, United Kingdom. Bidang beliau adalah berkaitan undang-undang keluargaan perbandingan, undang-undang perlembagaan perbandingan dan undang-undang pentadbiran Islam. Penyelidikan beliau berkaitan kekeluargaan Islam seperti kajian perkahwinan bawah umur, nafkah penentuan kriteria kafa'ah dalam perkahwinan, penyusuan dalam Islam. Beliau juga terlibat dengan penyelidikan berkaitan hak perundangan autism. Beliau telah menerbitkan lebih 100 penerbitan akademik di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Salasiah Hanin Hamjah (Ph.D) merupakan Prof. Madya di Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Dakwah dan Kaunseling Islam. Beliau memiliki Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Dakwah dan Kaunseling dari Universiti Sains Malaysia. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana Usuluddin dari Universiti Malaya. Beliau turut memegang Diploma Pasca Siswazah Psikologi Kaunseling, Jabatan Psikologi dan Pembangunan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,, UKM. Beliau adalah Kaunselor Berdaftar (00628) Perakuan Amalan (00459) (K.B.P.A) daripada Lembaga Kaunselor Malaysia dan Naib Presiden Persatuan Kaunseling Syarie (PAKSI). Beliau telah menerbitkan lebih 120 artikel termasuk jurnal terindeks.

Norsyamlina Che Abdul Rahim (Ph.D) merupakan Pensyarah Kanan di Universiti Malaysia Kelantan. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Makanan dan Pemakanan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Sarjana Kesihatan Awam dalam Pemakanan Komuniti, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau merupakan pemegang PhD (Kesihatan Wanita) dari Universiti Sains Malaysia. Beliau pernah berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai Pegawai Sains (Pemakanan) selama 18 tahun. Kepakaran beliau adalah dalam bidang yang berkaitan dengan pemakanan ibu, bayi dan kanak-kanak kecil, penyusuan susu bayi, keperluan nutrien pemakanan komuniti, penilaian status pemakanan dan isu kitaran pemakanan sepanjang hayat. Beliau telah menerbitkan lebih 50 penerbitan di peringkat global dan kebangsaan.

Muhammad Nazir Alias (Ph.D) merupakan pensyarah kanan di Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah dari Universiti Islam Madinah dan Ijazah Sarjana Syariah dari Universiti Malaya. Beliau merupakan pemegang Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Syariah dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Kepakaran beliau dalam bidang syariah, khususnya dalam aspek fiqh semasa dan maqasid syariah. Beliau aktif dalam penyelidikan dan penerbitan karya dalam bidang maqasid syariah, vaksin halal, dan isu-isu fiqh semasa. Hasil penyelidikan beliau kerap diterbitkan dalam jurnal-jurnal berwasit.

Roseliza Murni Ab Rahman (Ph.D) adalah pensyarah kanan di Pusat Kajian Psikologi & Kesejahteraan Manusia (PsiTra), FSSK. Beliau adalah pakar dalam bidang Psikologi klinikal yang mengkhusus kepada pendiagnosan, rawatan dan pencegahan bagi pelbagai jenis kecelaruan mental. Beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Psikologi daripada California State University Sacramento, USA dan mendapat Ijazah Sarjana dalam bidang Psikologi klinikal daripada The University of Queensland, Australia. Beliau seterusnya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Psikologi daripada Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian beliau banyak berfokus kepada pengulangan semula skizofrenia, keupayaan individu yang mengalami autism serta psikopatologi dalam kalangan penagih dadah. Beliau juga aktif menerbit artikel di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

GLOW 016

MAKANAN BERPANTANG TRADISI ORANG NEGERI SEMBILAN: KEBAIKAN DAN KELEBIHAN AMALAN TRADISI

Maznah Binti Muhammad

Pengamal Tradisional Postnatal Klinik Kesihatan Salak, Sepang, Selangor
Pengamal Bertauliah Mamacareplus, Berdaftar Kkm, Skm Urut Terapi

Ringkasan: Menurut kamus dewan berpantang didefinisikan sebagai mempunyai pantang (tidak boleh makan dan lain-lain sesuatu, tidak mahu atau tidak suka, tidak dapat atau tidak boleh) terhadap sesuatu makanan, gaya hidup dan kehidupan seharian. Ini bermaksud ibu yang baru melahirkan anak haruslah menjaga diri dengan kaedah berpantang dimana ibu harus menjaga makanan yang dimakan, berhati-hati ketika melakukan sesuatu tugas malah seharusnya mengelakkan diri dari melakukan sebarang pekerjaan. Ini bertujuan untuk menjaga diri ibu daripada terkena bentan atau sebarang penyakit kerana ibu baru melahirkan memerlukan tenaga yang lebih untuk membantu memulihkan diri.

Kata kunci: makanan berpantang, pemulihan ibu selepas bersalin, tradisi negeri sembilan

PENGENALAN

Makanan tradisi untuk ibu berpantang adalah sesuatu yang unik dan wajar diketengahkan bukan sahaja di peringkat daerah malah harus keluar negeri supaya ia akan lebih dikenali. Bagaimana cara untuk membantu ibu memulihkan diri dan apa kaitannya dengan makanan pantang tradisi? Ibu berpantang mestilah mengambil makanan yang berkhasiat, tinggi protein serta mempunyai gizi yang seimbang. Tradisionalnya cara penyediaan, pemilihan rempah ratus yang digunakan dan teknik memasak masakan ini membuatkan makanan ini amat sesuai diperkenalkan kepada semua bangsa dan golongan.

Dalam konteks ini, makanan pantang tradisi dari Negeri Sembilan menjadi pilihan. Negeri Sembilan adalah negeri beradat yang masih kaya dengan budaya dan warisan termasuklah makanannya yang pedas dan panas. Ini kerana penduduk di negeri ini masih melakukan amalan berpantang dan mengekalkan budaya pemakanan yang asli. Menjadi anak kelahiran Negeri Sembilan tetapi telah dibesarkan di kotaraya, namun emak dan nenek saya masih memasak masakan tradisi negeri ini hampir setiap hari. Ini sesuatu yang amat baik kerana masakan tradisi harus dipelajari dan diturunkan kepada generasi hari ini. Malahan penulis berpendapat ia boleh

diperkenalkan kepada bangsa lain kerana ia mempunyai keistimewaan dan kelebihannya yang tersendiri.

MAKANAN BERPANTANG: MENU TRADISI NEGERI SEMBILAN

Masak bejah/masak bocah

Sesuai namanya masak bejah atau dalam dialek Negeri Sembilan ia menyebut masak bocah. Makanan ini bagi saya ia sangat unik kerana bahan mentahnya hanya boleh didapati di sekeliling rumah sahaja. Selain itu ia mampu disimpan selama beberapa hari di bawah suhu bilik selepas dimasak. Mengapa? Ini kerana teknik memasak makanan ini secara sangai dan mengambil masa yang lama demi memastikan ia benar-benar kering. Ini yang akan membuatkan makanan ini dapat disimpan lama. Antara sebabnya ialah pada zaman dahulu tiada kemudahan seperti peti sejuk dan dapur gas untuk membantu memudahkan cara penyediaan makanan ini.



Menu makanan tradisi negeri sembilan

Resipi tradisi

Antara ramuan yang terdapat dalam makanan ini ialah seekor ikan haruan, lada hitam, serai, kunyit hidup, garam, asam jawa dan bawang putih. Jika tiada ikan haruan ia boleh diganti dengan ayam, ikan bilis atau ikan lain yang sesuai dimakan ibu yang sedang berpantang. Cara memasaknya juga amat mudah iaitu hany menumbuk atau digiling semua rempah ratus, ditumis sedikit dengan minyak kelapa dan dimasukkan air asam jawa dan dimasukkan ikan kemudiannya. Boleh dihidangkan kepada 2 jenis hidangan yang berbeza iaitu lembap (berkuah) dan kering.

Khasiat herba dan rempah ratus

Orang melayu atau penduduk nusantara khasnya terkenal dengan ramuan masakan yang mempunyai rempah dan herba. Ia amat sinonim kerana dalam setiap masakan pasti akan dimasukkan dengan beberapa jenis rempah dan herba terpilih mengikut kesesuaian makanan yang dimasak. Serai adalah contoh terhampir kerana penggunaannya mampu mengeluarkan aroma dan rasanya yang unik dapat menambah keenakan dan membangkitkan selera makan. Antara lain serai juga mempunyai pelbagai khasiat perubatan terutama untuk ibu yang baru melahirkan anak seperti menghilangkan sakit kepala dan sendi, merawat masalah pencernaan dan masalah pening dan lesu ibu.

Herba kedua terpenting dalam masakan ini ialah kunyit hidup. Dalam perubatan melayu, kunyit biasanya digunakan untuk ibu baru bersalin, rawatan selepas bersalin, tumpah darah, kencing tidak lawas, sukar membuang air besar, bengkak, masalah saluran peranakan dan menyembuhkan luka. Yang penting ekstraknya terbukti mampu mengesan antimurung, mengurangkan tekanan darah dan pelbagai fungsi lagi. Rajah dibawah menunjukkan kandungan nutrient dan fotokimia dalam kunyit.

Kandungan nutrient per 100 g (35g) - Hidangan kunyit	
Kalori	354 kkal
Lemak	3.25 g
Asid lemak tepu	1.838 g
Asid lemak poli tepu	0.756 g
Asid lemak mono tepu	0.449 g
Natrium	27 mg
Kalium	2080 mg
Karbohidrat	67.14 g
Serat	22.7 g
Gula	3.21 g
Protein	9.68 g
Vitamin c	0.7 mg
Vitamin b6	0.107 mg
Kalsium	168 mg

Magnesium	208 mg
Zat besi	55 mg

Indahnya Pemakanan & Perubatan Islam Keajaiban Penyembuhan Dengan Farmakologi Alam

(Sumber:Bab 31 Rizom, 4 Kunyit, m/s 257)

Teknik masakan

Sesiapa yang menyukai makanan yang berkuah bolehlah dimasukkan air yang banyak sedikit dan dikacau sebatи sehingga ikan dan ramuannya menyerap sepenuhnya. Jika suka dikeringkan, rempah ratus tersebut haruslah dimasak dengan api yang kecil sehingga semua ramuan menjadi kering dan boleh disimpan selama beberapa hari kerana ia mampu bertahan dari serangan kulat dan bakteria. Teknik memasak kering ini adalah sebahagian cara orang dahulukala menyediakan makanan pantang ini dan ini antara sebab ia boleh disimpan selama beberapa hari.

Lauk ini adalah paling sesuai diperkenalkan kerana selain cara penyediaan yang mudah, ia mampu membantu ibu berpantang memulihkan diri dan mengawal emosi. Selain itu ia juga boleh memberi keseimbangan gizi buat ibu dan anak yang menyusui susu badan ibunya. Segala khasiat rempah ratus, herba dan sumber protein yang terdapat dalam masak bocah ini akan mendatangkan selera kepada ibu semasa dalam pantang lantas ia mampu memberikan tenaga buat ibu sepanjang hari. Antara lain yang paling disukai oleh ibu berpantang ialah makanan diet yang sihat tetapi tidak menggemukkan.

Rahsia yang unik

Rahsia keunikan masak bocah ini adalah pada rasanya yang pelbagai. Ada masam, ada masin, ada lidas, ada pedas, ada aroma serai yang bercampur dengan kunyit hidup yang membangkitkan selera. Secara tidak langsung seluruh ahli keluarga juga menjadi teruja untuk mencuba memakan masak bocah ini. Wah! ia sesuatu yang mengujakan. Jarang kita lihat ahli keluarga lain akan menyukai makanan pantang yang disediakan. Pastinya istilah “makanan pantang membosankan” takkan kedengaran lagi apabila olahan bau, warna dan rasa mampu menjadi sajian yang melazatkan dan berkhasiat seluruh ahli keluarga. Tentunya ibu yang berpantang akan lebih gembira kerana seluruh ahli keluarga dapat makan bersama-sama.

PENUTUP

Kesimpulannya amalan meneruskan makanan pantang tradisi seperti ini ketika berpantang wajar diperkenalkan dan diketengahkan kepada generasi baru dan bangsa asing agar kebaikan dan tradisionalnya pemakanan orang-orang dahulukala yang memberi kesan yang hebat untuk pemulihan tubuh ibu baru melahirkan anak diberi nafas baru dan disebarluaskan buat seluruh masyarakat luar dari negeri beradat ini sampai bila-bila.

SUMBER RUJUKAN

1. Rizom serai dan rizom kunyit: Indahnya Pemakanan & Perubatan Islam: Keajaiban Penyembuhan dengan Farmakologi Alam
2. Pantang: Kamua Dewan Bahasa dan Pustaka: <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=Pantang>

Ringkasan Penulis:

Maznah binti Muhammad berumur 43 tahun dan berasal dari Negeri Sembilan. Beliau merupakan seorang praktis industri yang terlibat secara langsung dalam bidang perbidanan (postnatal) selama lebih sembilan (9) tahun. Beliau telah menjadi Pengamal tradisional postnatal di Klinik Kesihatan Salak, Sepang, Selangor dan juga merupakan salah seorang Pengamal bertauliah yang bernaung di bawah Mamacareplus, salah satu pemegang taruh bertauliah yang dberdaftar di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Beliau mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dalam bidang Urut Terapi dan kini sedang mengikuti program Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4 dalam bidang perbidanan (postnatalcare).

GLOW 017

MENJAGA DAN MENGEKALKAN KESIHATAN MENTAL DI TEMPAT KERJA


Jumariani binti Abd. Latif
Gemalai Spa, Bintulu Sarawak
[email: gemalairesources@gmail.com](mailto:gemalairesources@gmail.com)

Ringkasan: Menjaga dan mengekalkan kesihatan mental di tempat kerja adalah sangat penting bagi menjaga keharmonian dan kemashalatan bersama dalam sesebuah organisasi. Kertas kerja ini membincangkan berkenaan betapa pentingnya kesedaran kesihatan mental di tempat kerja selain menjalankan tanggungjawab masing masing tak kiralah dari pihak pekerja ataupun majikan.

Kata Kunci: Organisasi harmoni kesihatan mental terjaga.

PENGENALAN

Dewasa ini, masalah kesihatan mental seringkali kita dengar muncul di dada-dada akhbar, radio, television mahupun media sosial. Masalah ini kian hari kian meningkat dan telah memberi impikasi yang sangat teruk pada komuniti. Permasalahan ini bukan sahaja berlaku kepada orang dewasa, malah turut berlaku pada kanak kanak juga. Berdasarkan data, individu yang mendapatkan sokongan menerusi Talian Bantuan Perkhidmatan Sokongan Psikososial (MHPSS) iaitu inisiatif di bawah Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) meningkat 5 kali ganda bagi tahun 2022 yang mencatatkan jumlah sebanyak 1,061,595 panggilan berbanding tahun 2020 sebanyak 212,319 panggilan, manakala tahun sebelumnya merekodkan 44,061 panggilan.



(Sumber : Berita Harian, 10 oktober 2022)

Apa itu kesihatan mental?

Kesihatan mental merangkumi kesejahteraan emosi, psikologi dan sosial kita. Ia mempengaruhi bagaimana kita berfikir, merasa dan bertindak. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), kesihatan mental adalah keadaan kesejahteraan di mana individu menyedari keupayaannya sendiri, dapat mengatasi tekanan normal kehidupan, dapat bekerja dengan produktif dan bermanfaat, dan mampu memberi sumbangan kepada komuniti. Kesihatan mental adalah penting pada setiap peringkat umur dan merupakan asas pemikiran, pembelajaran, komunikasi, daya tahan dan keyakinan diri.

Masalah kesihatan mental boleh berlaku kepada sesiapa sahaja tak kiralah usia mahupun latar belakang. Untuk sesebuah organisasi pula, ianya tetap tidak terkecuali. Ada sahaja isu dan permasalahan yang timbul membabitkan individu, kumpulan atau majikan. Namun apakah tanda tanda tekanan yang kita boleh lihat secara mata kasar?

Tanda-tanda tekanan

01.

PERASAAN NEGATIF
DAN KEMURUNGAN

02.

SIFAT YANG AGRESIF

03.

MASALAH MENTAL

04.

PERUBAHAN
TERHADAP GAYA HIDUP

05.

PENYALAHGUNAAN
BARANG TERLARANG

06.

MASALAH DISIPLIN
DAN KETEPATAN MASA



Punca Tekanan

Setiap individu tidak dapat lari daripada tekanan kerja, sama ada ianya ringan, sederhana atau berat. Terdapat pelbagai punca yang menyumbang kepada berlakunya tekanan di tempat kerja. Antaranya ialah;



01.

BUDAYA SESUATU
ORGANISASI

02.

MASA BEKERJA
YANG PANJANG

05.

KURANGNYA
SOKONGAN

03.

KONFLIK DAN
LAYANAN YANG TAK BAIK

06.

JAUH DARI
TEMPAT TINGGAL

04.

FENOMENA BULI
DITEMPAT KERJA

07.

PERSEKITARAN
YANG TOKSIK

Tekanan di tempat kerja bukan sahaja akan mempengaruhi kesihatan mental individu atau pekerja, malah turut sama menjatuhkan produktiviti sesebuah syarikat. Oleh yang sedemikian, amatlah wajar agar kerjasama antara pekerja dan majikan dalam menangani masalah mental ini dipertingkatkan. Sebagai seorang pekerja, tanggungjawab utama untuk membendung gejala tekanan adalah dengan mengenali sumber tekanan negatif, sama ada stressor atau tekanan tersebut berpunca dari dalaman atau luaran.

Walaubagaimanapun majikan harus memainkan peranan yang penting dalam memastikan pekerja dibawah seliaan mereka berada dalam keadaan yang sihat mentalnya dan sekaligus terjaga kebajikan mereka. Jadi, apakah yang patut dilakukan untuk menangani tekanan di tempat kerja? Di bawah ini adalah beberapa langkah atau cara yang boleh dilakukan oleh individu dan majikan dalam memastikan kesihatan mental mereka terjaga;

INDIVIDU

01.

RANCANG KERJA
DAN MASA

02.

PRAKTIKKAN
TEKNIK RELAKSASI

03.

KEKALKAN GAYA
HIDUP SIHAT

04.

CARI PUNCA
MASALAH

05.

LAKUKAN KERJA
CARA BERPASUKAN

06.

AMAL
'WORK LIFE BALANCE'

07.

KENAL PASTI
SISTEM SOKONGAN



MAJIKAN



Menyedia dan melaksanakan program kesejahteraan di tempat kerja;

Program kesejahteraan dapat mengeratkan hubungan positif di kalangan pekerja dan mengurangkan stres di tempat kerja. Inisiatif kesejahteraan kesihatan, seperti penilaian gaya hidup sehat, hari kesihatan mental dan diskaun keahlian gim menunjukkan majikan mengambil berat tentang kesihatan dan kesejahteraan pekerja. Dengan cara ini ia juga dapat membantu mengurangkan tahap stres dan meningkatkan tahap produktiviti pekerja. Selain daripada itu, pelbagai lagi aktiviti atau program kesejahteraan yang boleh dilakukan contohnya zumba, aktiviti memasak dan sebagainya. Oleh yang sedemikian, stress atau tekanan hendaklah ditangani dengan baik, jika tidak ia akan menyebabkan gejala-gejala yang tidak sihat, seterusnya menjelaskan produktiviti individu dan organisasi. Jika mempunyai masalah atau perlukan sokongan kesihatan mental bolehlah hubungi talian seperti dibawah:

Talian Bantuan Perkhidmatan Sokongan Psikososial (MHPSS) - boleh hubungi talian HEAL 15555
Mengukur tahap kesihatan mental secara kendiri - Depression Anxiety Stress Test (**DASS**). *Boleh dilakukan secara online

PENUTUP

Kesimpulan daripada poin-poin yang telah dikongsikan ialah kedua-dua pihak baik pekerja maupun majikan hendaklah bekerjasama dan sentiasa peka dengan tanggungjawab masing-masing. Kesihatan dan kesejahteraan pekerja bermula dengan perubahan cara pemikiran dan

sikap diri ke arah yang positif dan sebaiknya dibantu dari pihak pengurusan iaitu majikan. Jika kebersamaan dan kesepakatan ini dapat dicapai, In Sha Allah masalah kesihatan mental ditempat kerja dapat dikurangkan dan seterusnya dapat meningkatkan produktiviti syarikat. Selain itu juga ia dapat mewujudkan suasana kerja yang lebih harmoni.

RUJUKAN

Dr. Hazli bin Zakaria & Associate Professor Dr Ng Chong Guan (2020, March 02). Malaysia Psychiatric Association & Malaysian Mental Health Association (MMHA). Retrieved from Mental Health Handbook : https://www.myhealthmylife.com.my/sites/default/files/2020-09/Mental_Health_Booklet%28MLY%29.pdf

Dr. Fa'iza Abdullah (2021, November 9). The Malaysian Medical Gazette. Retrieved from The Malaysian Medical Gazette : <https://www.mmgazette.com/stres-di-tempat-kerja-bahagian-1-apa-yang-anda-perlu-tahu-dr-faiza-abdullah/>

Noor Atikah Sulaiman (2022, Oktober 10). BH. Retrieved from Berita Harian : <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/10/1010651/masalah-kesihatan-mental-membimbangkan-khairy>

Ringkasan Penulis:

Jumariani merupakan pemilik kepada perniagaan Gemalai Spa dan berpengalaman selama 15 tahun dalam industri Spa dan Kesejahteraan. Beliau merupakan certified HRDC trainer dan mempunyai Sijil Professional Wellness Trainer (CPWT). Beliau juga turut memiliki Diploma pengajaran Tvet-i dimana ianya adalah petaulahan khas untuk mengajar bidang kemahiran. Selain itu juga, beliau berkelulusan Diploma dalam bidang IT dari Sedamai Kolej dan mempunyai persijilan SKM Tahap 3, dan certified SLDN Coach dalam bidang SPA dan Kesejahteraan daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia. Beliau kini juga sedang menyambung pengajian Professional Diploma Relaxing and Therapeutic Massage dan berhasrat untuk mengambil Master in Business Administration (MBA).

Norsyamline Che Abdul Rahim (Ph.D) merupakan Pensyarah Kanan di Universiti Malaysia Kelantan. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Makanan dan Pemakanan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Sarjana Kesihatan Awam dalam Pemakanan Komuniti, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau merupakan pemegang PhD (Kesihatan Wanita) dari Universiti Sains Malaysia. Beliau pernah berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai Pegawai Sains (Pemakanan) selama 18 tahun. Kepakaran beliau adalah dalam bidang yang berkaitan dengan pemakanan ibu, bayi dan kanak-kanak kecil, penyusuan susu bayi, keperluan nutrien pemakanan komuniti, penilaian status pemakanan dan isu kitaran pemakanan sepanjang hayat. Beliau telah menerbitkan lebih 50 penerbitan di peringkat global dan kebangsaan.

GLOW 018

HIKMAH MANDIAN DIDALAM PERUBATAN TRADISIONAL MELAYU: PERSPEKTIF PENGAMAL PERUBATAN DI MALAYSIA

Mej Hj Ahmad Nazri Hj Zailani TUDM (B)
@ Tok Janggut Triple S
Malaysian Association of Wellness Trainers
Email : ahmadnazri.kpk@Picoms.edu.my

Ringkasan: Mandi merupakan sebahagian daripada cara kita mensucikan diri dan menjaga kebersihan dan kebersihan merupakan sebahagian daripada kesempurnaan Iman.Islam adalah agama kebersihan.Namun ianya bukan sahaja berkisar berkenaan bersih pada zahir tetapi juga pada batin.

Kata Kunci: Hikmah mandian di dalam Perubatan Melayu dari perspektif pengamal perubatan melayu.

PENGENALAN

Mandi merupakan sebahagian daripada cara kita mensucikan diri dan menjaga kebersihan itu merupakan sebahagian daripada kesempurnaan iman.Hikmah disyariatkan menyucikan diri. Perubatan Melayu menggunakan terapi mandian dalam membantu proses pemulihan rohani seperti masalah gangguan akal fikiran,perasaan,lemah semangat dan sebagainya. Terdapat bahan-bahan tertentu yang digunakan bersama-sama dengan air didalam terapi mandian di dalam perubatan melayu bergantung kepada jenis penyakit yang dialami oleh pesakit.

“Sesungguhnya Allah menyukai orang yang bertaubat dan menyukai orang-orang yang mensucikan diri” (Al-Baqarah: 222). Syeikh Musthofa Bugha di dalam al_fiqh al-Manhaji telah menggariskan sebahagian daripada hikmah mandian disyariatkan menyucikan diri. Sebahagian daripadnya ialah:

Pertama: Bersuci adalah tuntutan fitrah.Manusia cenderung kepada kebersihan dan secara tabii manusia tidak suka menjauhkan diri daripada kekotoran.Oleh sebab Islam agama fitrah,maka secara tabii ia memerintahkan manusia supaya bersuci dan menjaga kebersihan.

Kedua : Memelihara kemulian dan kehebatan individu muslim. Manusia secara tabii cenderung kepada individu yang bersih. Manusia suka bersama-sama dan duduk dengannya. Manusia berasa benci, memandang rendah menjauhkan diri serta tidak mahu duduk bersama-sama dengan individu yang pengotor.

Ketiga : Memelihara kesihatan. Kebersihan adalah sebab yang penting bagi menjauhkan manusia daripada penyakit. Ini kerana kebanyakan penyakit yang menular di kalangan manusia adalah disebabkan kekotoran. Dengan membersihkan badan, membasuh muka, dua belah tangan, hidung dan dua belah kaki beberapa kali sehari menjadikan badan sentiasa terpelihara daripada sebarang penyakit. Ini kerana anggota tersebut merupakan anggota yang sentiasa terdedah kepada kekotoran.

Keempat : Berdiri menghadap Allah SWT dalam keadaan suci dan bersih. Semasa bersolat seseorang hamba bercakap dan bermunajat kepada Tuhan. Maka selayaknya dia berada dalam keadaan suci zahir dan batin, bersih hati dan badannya, kerana Allah SWT kasih kepada orang yang suka membersihkan zahirnya dengan bersuci.



Kebiasaannya ,masyarakat melayu mandi tiga kali sehari iaitu sebelum terbit matahari,sebelum solat zohor dan sebelum solat maghrib.Semakin kerap seseorang itu mandi,maka akan sentiasa bersih anggota badanya dan bertambah segar tubuhnya seterusnya mampu mencegah diri daripada penyakit dan gangguan kepada tubuh.Ini berkewtetapan dengan apa yang terdapat di dalam amalan dan syarat Islam berkaitan amalan mandi iaitu adanyan hukum mandi yang di wajibkan,mandi yang disunatkan dan juga mandi yang di haruskan.

Secara asasnya,mandian yang terdapat di alam Melayu dilakukan dengan beberapa sebab:

- Penjagaan kesihatan
- Ikkтир diri kesembuhan penyakit (gangguan,fizikal & mental)
- Meningkatkan kekuatan badan (segar,nyaman dan sebagainya)
- Penjagaan kecantikan
- Mendapatkan khasiat tertentu daripada bahan alami

Mandian limau,bunga,tangas,herba,bidara ,embun,tapak,minyak dan pelbagai lagi jenis mandian telah menjadi suatu adat kebiasaan di dalam masyarakat dan ianya lebih kepada sesuatu adat yang diraikan di dalam sesuatu majlis dan mempunyai pelbagai tujuan.

Mandian Herba



Mandian Bunga



Mandian Garam



Mandian Limau



PERBINCANGAN MANDIAN PENGUBATAN DAN PENELITIAN HUKUM

Hukum Berubah. Sesuatu hukum itu akan berubah sekiranya berlaku perubahan pada perkara yang boleh menjaskan prinsip dan melanggar syariat. Contoh : Niat untuk mendapatkan sesuatu kuasa & Bercampur dengan perjanjian bersama jin & syaitan

Mandian yang dilakukan melanggar batas syarak dan mendatangkan fitnah (bogel, lelaki memandikan perempuan berdua-duan atau sunyi, ada unsur memuja muji dan sebagainya). Beriktiqad bahaw mandian itu memberi bekas (manfaat atau mudarat). Menggunakan bahan-nahan yang diharam dalam islam.

Wajib : Firman Allah swt Surah al-Maidah ayat 6

“Danjika kamu junub (berhadas besar) maka bersucilah “

Sunat : Sabda Nabi SAW

“Tanggongjawab setiap muslim kepada allah ialah mandi sekurang-Kurangnya sekali dalam seminggu dengan membasuh kepala dan Badannya”

Di antara mandi yang disunatkan juga ialah :

- a. Mandi pada pagi dua hari raya (Aidil Fitri & Adha)
- b. Mandi sunat tawaf.
- c. Mandi Sunat Jumaat.
- d. Mandi setelah masuk Islam
- e. Mandi sunat kerana hendak mengerjakan Solat Sunat Gerhana Bulan atau Solat Sunat Gerhana Matahari
- f. Mandi sunat kerana hendak mengerjakan Solat Sunat
- g. Istisqa’ (meminta hujan).
- h. Mandi sunat bagi orang yang telah memandikan mayat.

Harus :

Harus jika tiada diniatkan dengan niat yang khusus (berkaitan wajib atau sunat)

Makruh :

Sekiranya mandi pada waktu maghrib . Ini disebutkan oleh ulama di dalam Mughni Al-Muntaj :

!“Dan adalah makruh memasukinya (tandas) ketika matahari hampir terbenam dan di antara dua isyak (antara maghrib dan isyak) kerana pada waktu itu syaitan berkeliaran”.

Haram :

Ada beberapa keadaan mandi yang harus menjadi haram seperti:

- Air mandian hasil curi. Kerana mencuri adalah haram.
- Mandi menggunakan air tanpa izin tuan rumah atau menggunakan air yang diwaqafkan bagi tujuan selain mandi.
- Mandi yang bercampur dengan unsur khurafat dan syirik.
- Mandi di tempat awam dalam keadaan bertelanjang

Air Terapi Mandian. Pengunaan air sebagai terapi mandian telah diberikan panduan di dalam beberapa kisah menarik di dalam sumber wahyu: Al Quran & Sunnah sekaligus menjadi suatu dasar bagi pendalilan bagi perkara yang dilakukan.

Antara yang disebutkan didalam Al Quran surah Sad ayat 41 dan 42

Ingatkanlah peristiwa hamba kami: Nabi Ayyub ketika ia berdoa merayu kepada Tuhannya dengan berkata:

“Sesungguhnya aku di ganggu oleh syaitan dengan kepayaan dan seksaan (penyakit)” maka kami kabulkan permohonannya serta kami perintah kepadanya

“Hentakkanlah kakimu (ke bumi) .Setelah dia melakukannya maka terpancurlah air,lalu kami berfirman kepadanya : Ini ialah air sejuk untuk mandi dan minum (bagi menyembuhkan penyakit mu)”

Diriwayatkan daripada ibni Abbas ,Nabi SAW bersabda

“ Penyakit Ain adalah benar-benar wujud,Sekiranya terdapat sesuatu yang mendahului takdir nescaya ain akan mendahluinya. Sekiranya kamu di minta mandi,maka mandilah.

Nabi SAW telah membantu merawat seorang kanak kanak yang timpa penyakit tidak boleh bercakap.Keadaan tersebut kemungkinan disebabkan oleh gangguan daripada syaitan . Kisahnya “Berikan aku sesuatu daripada air.Maka di bawadatang (kepada Rasullullah SAW) air,lalu baginda membasuh tangan dan berkumur,dan diberikan kepada wanita tersebut.Sabda baginda Berikan anak itu minum sebahagian daripadanya(air tadi) dan tuangkan (basuhkan/sapukan) anak itu sebahagian air yang lain .Semuga dengan itu disembuhkan Allah.


Dari Samurah RA ia berkata:

"Adalah Rasullullah SAW apabila tertimpa demam, ia meminta didatangkan semangkuk air lalu ia tuangkan air tersebut diatas kepalanya lalu mandi (Riwayat Al-Bazar dan At-Thabrani)".

Rahsia Air

Air adalah suatu keperluan hidup di mana-mana sahaja. Tanpa air, kehidupan sukar diperolehi. Bahkan manusia begitu memerlukan air hingga tercari-cari hingga ke planet Marikh. Namun sejauh mana manusia memahami rahsia kejadian air sebenarnya masih banyak perkara yang perlu dijelaskan lagi. Pengkajian dan penelitian terkini telah menemui sebahagian besar tentang lanjutan kejadian air serta memahami sedikit ketetapan yang dicipta melalui air. Air mempunyai tenaga keupayaannya yang tersendiri. Air adalah tenaga yang terbaik melalui takrif hidrogen sebagai penggerak sistem terutama sistem di dalam tubuh manusia. Hampir semua keadaan merangkumi berfikir, tidur, pengesahan melalui deria, kekuatan semangat, emosi dan lain-lain dijana oleh tenaga daripada air. Begitu perlunya tubuh manusia akan air itu sehingga peratusannya kira-kira 79.999% daripada keseluruhan tubuh.

Air yang menurut perintah sebenarnya berbagai sistem fizik melakukan gerakan yang harmonik di dalam air yang akhirnya mencapai titik keseimbangan. Atom atau molekul air ini sentiasa bergegar di sekitar titik keseimbangan walaupun telah melalui pembabitan perkiraan dengan beberapa fenomena seperti *interference* atau pembelauan. Berdasarkan hukum ini, benarlah air amat sensitif dan peka kepada sebarang jenis getaran. Air juga sangat sesuai memerangkap dan merakam sebarang jenis getaran yang di keluarkan oleh seseorang walaupun dalam bentuk niat seperti mengambil air sembahyang. Air akan akur dan menurut perintah apa juga maksud yang disebut atau cakap sekadar diam, air tetap. Mengesan keiklasan yang ada di dalam hati. Segelas air yang ditulis pada dinding gelas dengan sebarang jenis tulisan tetap air yang mempunyai kerohanianya mampu menafsirkan akan maksud isi tulisan tersebut dengan tepat berdasarkan gema niat asal si penulisnya.



PENGUNAAN BAHAN ALAMI DI DALAM TERAPI MANDIAN

Mandian Limau Perut atau Limau Nipis

Ianya adalah bahan-bahan yang mengandungi asidasid tertentu yang diakui memberi bekas dan kesan yang memudaratkan terhadap fizikal jin dalam tubuh pesakit. Walaupun tiada nas qat'ie daripada Al-Quran dan hadis akan tetapi ianya boleh diciaskan dengan sebuah hadis yang mana baginda Rasulullah SAW milarang kita menjirus air panas dan kencing dalam lubang kerana kemungkinan ada jin yang mendiami lubang tersebut. Kita bukan melihat daripada sudut larangan menjirus air panas atau kencing, tetapi kita melihat sifat kepada kencing tersebut adalah panas dan tajam. Maka diciaskan dengan limau tersebut dengan air panas. Sifat limau adalah tajam dan mengandungi asid yang tertentu dan bau limau tersebut yang mengharumkan, kerana jin jahat amat benci kepada wangi-wangian. Apatah lagi jika limau tersebut telah diruqyah dengan ayat-ayat Al-Quran . Maka ianya sangat-sangat memberi bekas dan kesan yang memudaratkan jin dalam tubuh pesakit atau persekitaran.

Limau purut dikatakan mempunyai anti oksidan yang tinggi, kaya dengan flavonoid dan polifenol yang dikatakan sangat berkesan untuk membantu penyakit jantung dan kanser. Ianya juga mengandungi pelbagai vitamin dan bahan mineral termasuk vitamin C, B1, B2, Sodium, Kalium dan zat besi. Limau juga mengandungi Tannin, Triterpenoid dan Saponin.Khasiat limau purut juga berfungsi untuk merawat masalah kulit seperti Ekzema dan Proriasis. Kulit limau purut tersebut sangat baik untuk darah dan merawat masalah sistem pencernaan.

Mandian Garam

Ianya merupakan antara bahan-bahan yang seringkali digunakan dalam perubatan islam. Kelebihan dan khasiatnya telah diakui oleh Allah SWT dan Rasulullah SAW seperti yang telah dinyatakan dalam sebuah hadis yang bermaksud : "Sesungguhnya ada empat benda yang diturunkan oleh Allah SWT ke muka bumi mempunyai keberkatan : Besi, Api, Air, Garam."

Radiasi dan kecelaruan hanya boleh dirungkai dan diurai oleh getaran yang kuat dan bertenaga. Garam mempunyai getaran yang amat kuat bacaannya yang sama dengan unsur-unsur kerohanian yang bersifat Latifatur Rabbaniyah dan suci. Melalui konsep sains, ianya berfungsi untuk meleraikan radiasi serta gelombang yang kurang sihat dalam tubuh badan pesakit. Garam mampu memberikan kesan mudarat kepada seseorang dan ia bergantung niat seseorang itu juga. Akan tetapi sekiranya terdapat kesan-kesan gangguan spiritual, maka penggunaan garam itu adalah digalakkan kerana memandangkan garam itu berada di dalam Rahsia Api dalam ilmu metafizik dan bertindak sebagai gelombang julat tinggi kerana ada juga kes kecemasan yang juga berpunca daripada keadaan julat yang tinggi. Garam juga boleh menyakitkan dan mampu melukakan jin secara fizikalnya apabila dibacakan ayatayat ruqyah pada garam tersebut. Ianya juga boleh diqiaskan sepertimana dengan hadis yang berkaitan dengan air panas kerana garam mempunyai asid yang tertentu dan mineral asli yang bersifat tajam, juga mampu mengeluarkan jin yang merasuki tubuh pasakit.

Mandian Bunga

Mandi bunga bukan sekadar ritual biasa dalam kalangan masyarakat Melayu. Adat ini dilihat sebagai simbolik bagi proses pembersihan diri dari nasib buruk, membuang energi negatif, serta dipercayai dapat meningkatkan aura individu dan melindunginya dari pengaruh buruk. Dalam Islam, hukum mandi bunga adalah harus sekiranya ia dilakukan oleh ahli-ahli yang mahir dalam bidangnya dan perbuatan itu tidak bertentangan dengan syariat Islam dan hukum syarak. Apa yang dimaksudkan di sini adalah jika perbuatan itu disertai dengan ayat pemujaan memanggil syaitan atau mantera yang berunsur sihir, bertujuan memanggil pendamping atau semangat dan percaya kononnya bunga untuk meyembuhkan sesuatu penyakit.

Mandian Herba

Mandian Herba merupakan rebusan daripada bahan-bahan rempah ratus dan daun-daun herba yang terpilih yang mudah didapati seperti daun lengkuas, daun mengkudu, daun pandan, daun sirih, daun halia, daun inai, daun kunyit, daun limau purut, serai dan sedikit campuran halba dan kulit kayu manis. Kebaikan mandian herba:

- Menyegarkan badan
- Mengelak dan membuang angin
- Melancarkan pengedaran darah
- Mengatasi bau badan
- Meringankan ketegangan urat saraf dan otot badan

PENUTUP

Amalan mandian didalam perubatan melayu mempunyai akar tradisional dan masih di amalkan hingga kin.Walaupun beberapa jenis mandian lebih dikenali dengan kecantikan,ia juga mempunyai potensi untuk digunakan dalam penjagaan kesihatan,terutama dalam menghadapi masalah mental yang semakin meningkat dewasa ini. Oleh itu kesedaran mengenai Hikmah Mandian Perubatan Melayu untuk kesihatan perlu ditingkatkan dalam masyarakat.

Allah menjadikan alam ini lengkap dengan pelbagai kelebihan dan manfaat untuk manusia.Disekeliling kita,ada sahaja pokok,tumbuhan,bunga,haiwan,dan banyak lagi unsur yang 'bersahabat' dengan kita.Nenek moyang kita yang sangat luas pengalaman dan ilmunya,memberikan kepada kita acara untuk menggunakan alam ini dengan sebaiknya.Aromaterapi ,Konsep menggunakan aroma adalah suatu yang sangat masyhur di dalam masyarakat kita dan seluruh dunia.Sehingga para pengamal terapi senantiasa menjadikan kepelbagaiannya aroma dalam merangsang perasaan,fikiran dan tubuh supaya mendapat banyak manfaat.Bagaimana caranya orang kita dahulu mendapatkan unsur aroma ini ,tidak lain dan tidak bukan adalah dengan cara perahan,atau picitan,atau pembakaran , atau rendaman di dalam air selama beberapa malam, atau rebusan dan dijadikan atas bahan mandian.

Sama Tapi Tak Serupa Serupa Tapi Tak Sama

Dari Pengamal Kepada Pengamal

RUJUKAN

- Abdul Samad Ahmad (1982): Warisan Perubatan Melayu,Dewan Bahasa dan Pustaka
 Akademi Jawi Malaysia(2017):Transliterasi:Khazinat al-Insan :Hakim Abdul
 BPTK(Kementerian Kesihatan Malaysia(2010)Good Practice Guideline on Malay Massage
 Gray's Anatomy:The Anatomical Basis of Clinical Practice(40th .ed)
 Haliza Riji(2000):Prinsip dan Amalan Perubatan Melayu :Universiti Malaya
 Harun Mat Piah(2006):Kajian dan Transliterasi : Kitab Tib,Ilmu Perubatan Melayu.
 Sheik Nuruddin al-Raniri(1630):Manuskrip Bustatin Al Salatin MSS 3059:Bab 7

Ringkasan Penulis:

Mej Hj Ahmad Nazri Bin Hj Zailani TUDM (B), berusia 64 tahun dan merupakan seorang Veteran ATM dan juga mantan Juruterbang Pesawat Tempor TUDM. Menamatkan perkhidmatan dengan ATM pada 1996 terus melibatkan diri didlam Keusahawanan khusus didalam Industri Kesihatan dan Kesejahteraan menjurus kepada Perubatan Tradisional Dan Komplementari. Pengamal Perubatan Melayu dan Pengamal Perubatan Cina berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Selain daripad itu beliau juga merupakan seorang Tenaga Pengajar Kursus Pembangunan Kapasiti Perubatan Tradisional Melayu lantikan Kementerian Kesihatan Malaysia Beliau juga merupakan BisKaunselor & BisCoach INSKEN. Institut Keusahawanan Negara, Team Pemeriksa Spa & Pusat Urutan Kesejahtreaan MOTAC, Timbalan Presiden Malaysian Association of Wellness Trainers, Penasihat Kehormat PUTRAM. Persatuan Urut Therapeutik Dan Penjagaan Malaysia. Pengasas Terapi Triple S Khidmat PTM CSR MHHO Klinik Kesihatan Kerajaan Jinjang (khamis), Ketua Juruterapi myPapaCare WPKL (miniSpa myPapaCare UTC Pudu Sentral)

COMMITTEE MEMBERS
GLOBAL WELLNESS CONFERENCE 2024 (GLOW)
In conjunction with
NATIONAL SYMPOSIUM WELLNESS TRAINER 2024

Chairman : **Mrs. Norliza Othman**
(President of Malaysia Association Wellness Trainer)

Co-chairman : **Associate Profesor Dr. Roslizawati Che Aziz**

Secretary : **YM. Raja Norliana Raja Omar**

Treasury : **Mrs. Alifah Adnan**

Managing Editor :

- i) Dr Ahmad Fahmie Mohd Ali
- ii) Dr. Nurul Hafizah Mohd Yasin
- iii) Dr. Siti Afiqah Zainuddin
- iv) Associate Profesor Dr. Noorshella Che Nawi

Technical reviewer :

- i) Dr Norsyamline Che Abdul Rahim
- ii) Dr Norsuriani Samsudin
- iii) Dr Siti Fatimah Abd Ghani
- iv) Miss Fairuz Ayuni Binti Hassri

Moderator session:

- i) Dr Adeneye Yusof Babatunde
- ii) Dr Norsuriani Samsudin
- iii) Dr Muhammad Nasyat

**SPECIAL THANKS TO
ALL AUTHORS AND CONTRIBUTORS
FOR THE
GLOBAL WELLNESS CONFERENCE (GLOW 2024)
IN CONJUNCTION WITH
NATIONAL SYMPOSIUM ON WELLNESS TRAINER (NSWT) 2024**

14th & 15th FEBRUARY 2024

